

# @info



Media Komunikasi Maktab Kerjasama Malaysia  
Bil. 2/2010 ISSN 0127-1032

Pusat Latihan Koperasi No. 1 di Malaysia



MTCP 2010

Hari Koperasi Negara 2010



Majlis Berbuka Puasa



Sambutan  
Ulang tahun  
MKM ke-54

Sertai komuniti kami di  
f b  
cari:  
MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA  
Laman Web: [www.mkm.edu.my](http://www.mkm.edu.my)



## info • ISI KANDUNGAN

### EKSKLUSIF

- 4 Majlis Ulang tahun MKM ke-54
- 6 Majlis Berbuka Puasa Bersama  
YB Datuk Rohani binti Abdul Karim
- 7 Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum  
Persefahaman (MoU)

### PELAWAT

- 8 Lawatan YBhg. Datuk Mohd. Zain Mohd. Dom
- 8 Kunjungan Unit Perancangan Ekonomi (EPU)
- 9 Ministry of Primary and Mass Education  
Bangladesh
- 10 Northern Luzon Federation Cooperatives and  
Development Centre, Filipina
- 11 Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA)

### JARINGAN

- 12 Program MTCP 2010
- 13 Persidangan ICA-AP ke-9 di Beijing, China
- 15 Retailing and Distribution Management di  
Vaikunth Mehta Institute (VAMNICOM),  
Pune, India

### FOKUS

- 17 Seminar Pengupayaan Modal Insan Koperasi
- 18 Seminar Hasil Penyelidikan MKM 2010

### PERSPEKTIF

- 20 Kolokium Latihan Koperasi 2010
- 22 Bicara Eksekutif "Inovasi dan Kreativiti ke arah  
Koperasi Berdaya Saing"

### BERITA KAKITANGAN

- 24 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009

### BERITA MKM CAWANGAN SARAWAK

- 25 Bicara Eksekutif "1 Komuniti 1 Koperasi"
- 26 Anggota KOTAMAS Timba Ilmu Koperasi
- 27 Minggu Orientasi Sijil Pengurusan Koperasi Sesi  
Julai 2010
- 28 Kursus Penyediaan Perancangan Perniagaan  
Koperasi: Soya



**BERITA MKM WILAYAH TIMUR**

- 29 Hari Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan 2010
- 30 Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Terengganu 2010 dan Pelancaran 1 Kampung 1 Koperasi
- 31 Ekspo Beli Barangan Buatan Malaysia & Peluang Perniagaan Francais Zon Timur
- 32 Karnival Jualan dan Ekspo Koperasi Peringkat Negeri Kelantan 2010

**BERITA MKM WILAYAH UTARA**

- 33 Bicara Tokoh "RMK ke-10: Peluang dan Cabaran Perniagaan Dalam Koperasi"
- 34 Program Sambutan Koperasi Bersama Rakyat Negeri Perlis

**BULETIN PELAJAR**

- 35 Persembahan Amal Teater Muzikal Lagenda Tan Sri P. Ramlee anjuran bersama Kumpulan Seni Budaya MKM (KSB) dan Majlis Perwakilan Pelajar MKM (MPP)
- 36 Seminar Pelajar Kreatif dan Inovatif ke arah Melahirkan Modal Insan yang Kompeten Dalam Koperasi
- 38 Minggu Orientasi Pelajar Diploma Pengurusan Koperasi Sesi Jun 2010
- 40 Program Bakti Siswa Bersama Masyarakat RPS Air Banun
- 41 Program Hari Integrasi KO-K

**GALERI**

- 42 Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1431H
- 43 Fiesta Bera 2010
- 44 Sambutan Hari Koperasi Negara 2010

**LAMPIRAN**

- 45 Kalendar Kursus MKM Petaling Jaya, Selangor 2011
- 47 Kalendar Kursus MKM Cawangan Sabah 2011
- 48 Kalendar Kursus MKM Cawangan Sarawak 2011
- 49 Kalendar Kursus MKM Wilayah Timur 2011
- 50 Kalendar Kursus MKM Wilayah Selatan 2011
- Kalendar Kursus MKM Wilayah Utara 2011
- 51 Cara Memohon Kursus Jangka Pendek





INFO 2010

**PENASIHAT** Tn. Hj. Idris Ismail  
Pengarah

#### SIDANG EDITORIAL

**KETUA EDITOR** Pn. Julia Bee Ramjan  
Timbalan Pengarah Pengurusan

**EDITOR** Mohd Rashiman Rasit  
Pegawai Penerangan

**WAKIL PUSAT & UNIT** Mohd. Nusi Abdul Rahman  
Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi  
(Antarabangsa)

Nur Faeza Yahya  
Pusat Pengurusan Perniagaan &  
Keusahawanan (BMEC)

Rohalinda Ahad  
Pusat Pentadbiran, Perundangan  
& Kepimpinan Koperasi (CALL)

Salwana Ali  
Pusat Perakaunan &  
Kewangan (ACTIF)

Sharifah Shuzada Saedin  
Pusat Konsultasi Koperasi ( KONSULTASI )

Yusnita Othman  
Pusat Pengurusan Penyelidikan  
& Inovasi (R & I)

Azman Mohd Ghazali  
Ketua Unit Sumber Manusia (USM)

Rahimah Abd Samad  
Ketua Unit Komunikasi Korporat  
& Tadbiran Akademik (UKKTA)

Pen. Peg. Penerbitan  
Sharepah Nur Azirah Shareh  
Abd Rahman

**JURUFOTO** Mohd Norhisyam Md Daud

## Dari Meja ketua editor

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Salam **1** Malaysia dan Salam Koperasi

Tahun 2010 telah melabuh tirainya dengan meninggalkan kita dengan pelbagai peristiwa, cabaran dan kenangan manis. Di antara peristiwa penting bagi MKM ialah Sambutan Ulang tahun MKM ke-54 yang dikongsi bersama dengan gerakan koperasi melalui penganjuran seminar bertajuk "Pengupayaan Modal Insan Koperasi".

Info keluaran kali ini disajikan dengan berita mengenai Majlis Pertukaran Dokumen antara Jabatan Belia dan Sukan Negara dan MKM yang disaksikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Dengan ini peserta kursus MKM telah dapat menggunakan kemudahan di Kompleks Rakan Muda di Bera Pahang untuk tujuan latihan, sementara menunggu kompleks baru MKM Wilayah Timur diluluskan pembinaannya.

Dalam segmen Perspektif keluaran ini memaparkan perjalanan Kolokium Latihan Koperasi 2010. Program ini adalah merupakan program perkongsian ilmu di mana sebanyak 12 kajian kes kejayaan koperasi telah dibenteng sebagai pembuka minda kepada peserta yang hadir. Harapannya ialah idea baru dapat dicetus selepas kembalinya peserta ke organisasi masing-masing.

MKM juga menjadi tumpuan gerakan koperasi luar negara yang menjadikan MKM destinasi kunjungan mereka. Keluaran ini memaparkan lawatan pelawat dari Brunei, Filipina dan Bangladesh. Ini menunjukkan bahawa MKM dikenali di peringkat antarabangsa dan dijadikan contoh sebagai pusat latihan terkemuka di rantau ini.

Seterusnya tahniah kepada MKM kerana telah mendapat Anugerah Penarafan 5 Bintang Portal MKM serta memperolehi persijilan ISO 9001:2008 bagi skop Pengurusan Latihan Koperasi. Diharapkan agar MKM akan terus berusaha untuk mendapat banyak lagi pengiktirafan dan mencapai visi untuk menjadi Pusat Latihan Koperasi Bertaraf Dunia.

Di samping kenangan manis, seluruh warga MKM turut bersedia ke atas kembali ke rahmatullah arwah Puan Hajah Hallijah Zakaria, Pendaftar MKM pada 5 Disember 2010. Semoga roh beliau ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman.

*Sekian. Salam Koperasi.*

*Julia Bee Ramjan*



# Majlis ULANG TAHUN MKM KE-54



Tanda penghargaan daripada YBhg. Tuan Hj. Idris (kanan) kepada YBhg. Dato' Daud Tahir (kiri).

Gerakan koperasi di Malaysia digesa untuk menyahut seruan kerajaan dan mengambil peluang dengan agresif dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) seperti yang diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini. Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YBhg. Dato' Daud Bin Tahir berkata demikian semasa merasmikan majlis makan malam sempena Ulang tahun Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) ke-54 dan juga Seminar Pengupayaan Modal Insan Koperasi.



Sebahagian tetamu yang turut hadir.

Beliau turut menggesa 7,215 koperasi yang berdaftar di negara ini meningkatkan lagi pengetahuan, memperkayakan modal insan serta kemahiran yang tinggi jika mahu digelar sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Sektor koperasi yang disasarkan menjadi enjin pertumbuhan ekonomi ketiga negara turut berperanan penting dalam menjayakan program tersebut dengan mengambil bahagian dalam National Key Economic Areas (NKEA). Menerusi pendidikan dan latihan yang berterusan serta berkualiti, sektor koperasi mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada kira-kira 6.7 juta ahlinya di seluruh negara.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru ahli-ahli koperasi di seluruh negara agar merebut peluang dalam setiap program yang dirancang kerajaan termasuk meningkatkan ilmu dan latihan dalam bidang koperasi terutamanya di MKM, satu-satunya institusi latihan koperasi di Malaysia.



# MAJLIS ULANG TAHUN MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA KE 54 DAN MAJLIS PERASMIAN SEMINAR "PENGUPAYAAN MODAL INSAN KOPERASI"

DIRASMIKAN OLEH:

Y. B. H. DATO' DAUD BIN  
... AN KETUA SETIAUSAHA (K...  
... DALAM NEGERI...  
... NOV...



*:: Merasmikan Majlis Ulang tahun MKM ke-54 dengan acara memotong kek oleh YBhg. Dato' Daud Tahir.*

Ketika merasmikan sambutan tersebut di salah sebuah hotel di Subang Jaya, harapan beliau agar ETP yang meliputi 12 bidang keberhasilan ekonomi dalam NKEA turut memacu pertumbuhan sektor koperasi seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Dengan tema "Menerajui Kecemerlangan Latihan dan Pendidikan Koperasi Bertaraf Antarabangsa" MKM katanya, dilihat akan terus relevan melahirkan modal insan dalam sektor koperasi berkemahiran tinggi demi menyahut seruan kerajaan dalam menjayakan ETP tersebut.

Mengambil contoh kejayaan memajukan koperasi di luar bandar, sektor koperasi boleh menyumbangkan peranan penting dalam menjana ekonomi berpendapatan tinggi. Justeru itu MKM digesa memainkan peranan yang lebih signifikan untuk melatih dan membimbing ahli-ahli koperasi agar lebih berpengetahuan serta modal insan yang sempurna.

MKM yang ditubuhkan pada 13 November 1956 adalah sebuah institusi yang banyak memainkan peranan iaitu mendidik dan memberi latihan dalam bidang pengurusan koperasi di negara ini. Sebagai salah sebuah agensi kerajaan, usaha ini dilihat membantu dalam usaha kerajaan untuk melahirkan modal insan yang cemerlang serta mempunyai anggota yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi demi memacu ekonomi dalam sektor koperasi khususnya dan negara amnya.

Sementara itu, Pengarah MKM, Tn. Hj. Idris bin Ismail mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga MKM di atas keupayaan dan kecemerlangan institusi itu dalam melahirkan modal insan yang berkualiti serta memenuhi permintaan sektor koperasi terutamanya dalam menyediakan pengurus yang dinamik dan inovatif.



*Tetamu Kehormat dari kiri Pengarah MKM, Timb. KSU KPDNKK dan Pengerusi Eksekutif SKM.*



*Persembahan kebudayaan oleh pelajar dari Kumpulan Seni Budaya MKM.*



*Antara kakitangan MKM yang turut hadir.*



# MAJLIS BERBUKA PUASA

*Bersama,*

**YB DATUK ROHANI BINTI ABDUL KARIM**

**TIMB. MENTERI PERDAGANGAN**

**DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**12 OGOS 2010**

**MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA**



*Kunjungan pertama YB Datuk Rohani binti Abdul Karim (kiri) ke MKM diiringi oleh YM Pn. Raja Maimon Raja Yusof (kanan).*



*Tetamu kehormat yang turut hadir.*



*Para pelajar turut serta dalam majlis tersebut.*



*Penyampaian zakat oleh Dato' Mangsor bin Saad, Pengerusi Eksekutif SKM.*

YB Datuk Rohani binti Adul Karim sebaik sahaja dilantik sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah membuat lawatan singkat ke MKM pada 12 Ogos 2010.

Beliau telah menyarankan supaya MKM memperluaskan penganjuran kursus Sijil Pengurusan Koperasi ke seluruh negara dan tidak dihadkan kepada warga koperasi di Sabah dan Sarawak sahaja. Ini adalah selaras dengan usaha untuk memperkasakan gerakan koperasi dengan memastikan tenaga kerja koperasi berpendidikan tinggi.

Beliau juga mengesyorkan agar MKM terlibat membangunkan koperasi sekolah supaya ianya boleh jana ekonomi untuk anggotanya di samping menerapkan budaya berkoperasi dalam kalangan murid-murid sekolah.

Di akhir lawatan YB Datuk Rohani telah berbuka puasa bersama-sama staf dan pelajar MKM dan turut menyampaikan zakat kepada pelajar-pelajar semester 1 Diploma Pengurusan Koperasi.

# MAJLIS

## PERTUKARAN DOKUMEN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA & MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA



*YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob berucap di Majlis Perasmian Fiesta Bera.*

Majlis pertukaran MoU antara Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) telah diadakan pada 7 Ogos 2010 (Sabtu) bertempat di Tapak Fiesta Bera 2010. Majlis Pertukaran MoU telah dilaksanakan oleh Pengarah Cawangan Pengembangan Rakan Muda, YBhg. Encik Ahmed bin Daud dengan Pengarah Maktab Kerjasama Malaysia, YBhg. Tuan Haji Idris bin Ismail dan disaksikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, Y.B Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Objektif utama pemeteraian memorandum persefahaman tersebut bertujuan untuk mewujudkan kerjasama antara kedua-dua pihak yang merangkumi penggunaan kemudahan Kompleks Rakan Muda, Bera Pahang oleh MKM dan mengadakan program latihan dan pendidikan bersama termasuk pertukaran atau guna sama pegawai atau pakar yang dilantik bersama. Majlis tersebut juga diraikan sempena Majlis Perasmian Fiesta Bera 2010.



*Tn. Hj. Idris, Pengarah MKM (kiri) bertukar dokumen MoU dengan Encik Ahmad Daud, Pengarah Cawangan Rakan Muda KBS (kanan).*



## LAWATAN YBHG. DATUK MOHD. ZAIN MOHD. DOM, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

26 OGOS 2010

Dalam Rancangan Malaysia (RMK ke-9), MKM telah diperuntukkan sebanyak RM2 juta untuk kerja-kerja ubah suai kampus MKM Ibu Pejabat di Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor. Projek ini telah selesai dijalankan dan kemudahan telah digunakan oleh pelanggan MKM.

Pada 26 Ogos 2010, YBhg. Datuk Mohd. Zain bin Mohd Dom., Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah turun padang untuk pemantauan projek yang siap dan seterusnya untuk menilai keperluan infrastruktur dalam RMK ke-10. Beliau telah dibawa melawat kemudahan asrama, bilik kuliah, padang rekreasi, pejabat dan auditorium.



Dr. Hjh. Jamilah Din (kanan) memberikan penerangan kepada YBhg. Datuk Mohd. Zain Mohd. Dom (kiri) mengenai produk yang dihasilkan oleh bakeri Koperasi Kakitangan MKM.



Sesi taklimat di Bilik Mesyuarat Anggerik.



Lawatan ke Auditorium Dato' A. Majid dan Bilik Siber.

## LAWATAN Unit Perancang Ekonomi (EPU) Ke MKM

Pada 16 Julai 2010, seramai 10 orang pegawai dari Seksyen Pengurusan Nilai, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang diketuai oleh Datin Ir. Hjh. Mariyam Ismail telah melawat MKM untuk menilai kemudahan infrastruktur di Maktab Kerjasama Malaysia.

Lawatan ini adalah hasil daripada permohonan MKM kepada Unit Perancang Ekonomi untuk menambah kemudahan asrama untuk pelajar-pelajar melalui konsep Private Financel Initiative (PFI). Dengan konsep ini pihak swasta akan membangunkan asrama dan kemudian akan disewakan kepada pelajar-pelajar dan MKM. MKM berharap agar projek ini dapat dilaksanakan dalam RMK-10 dan menyelesaikan masalah penempatan pelajar yang semakin tahun bertambah.



Sepanjang lawatan ke perpustakaan, bakeri Koperasi Kakitangan MKM dan sekitar perkarangan MKM.



Barisan hadapan (lima dari kiri) Tn. Hj. Idris Ismail dan para pegawai MKM bergambar kenangan bersama para delegasi di hadapan lobi utama (B), MKM.



Sesi dialog di antara MKM dan para delegasi sedang berlangsung.

# LAWATAN

## “Ministry of Primary and Mass Education Bangladesh”

Profesional Services Development Corporation Sdn. Bhd. (Sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia) telah diminta untuk mengendalikan sebuah lawatan ke Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) oleh Kementerian Pendidikan Bangladesh bagi memperkenalkan para delegasi tentang keunikan MKM sebagai salah sebuah institusi pendidikan koperasi yang terkenal di Asia.

Lanjutan itu, MKM dengan tangan yang terbuka menerima kunjungan lawatan dari 10 orang delegasi dari Bangladesh pada 27 Mei 2010 pada pukul 2.00 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Anggerik.

Perjumpaan yang telah dipengerusikan oleh Tn Hj. Idris bin Ismail ini secara amnya membincangkan aktiviti-aktiviti latihan dan pendidikan koperasi seperti kursus jangka panjang iaitu Diploma Pengurusan

Koperasi, Diploma Profesional Pengauditan Koperasi dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan kepujian (Bidang Tumpuan) Pengurusan Koperasi (MKM-UUM) dan tidak ketinggalan juga penekanan dalam subjek-subjek kursus pendek yang dikendalikan oleh pusat-pusat tertentu di MKM.

Para delegasi juga memberi respons yang baik dalam mendapatkan maklumat lanjut mengenai program Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) yang ditawarkan oleh MKM. Para pegawai Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi yang hadir telah menerangkan dengan jelas berkaitan objektif program yang bakal berlangsung selama empat minggu bermula pada 22 November – 17 Disember 2010 iaitu “Certificate in Co-operative Financial Management” dan “Certificate in Co-operative Poverty Reduction”.





Pn. Julia Bee Ramjan (tengah) bersama para pegawai MKM sedang memberikan maklumbalas dalam sesi dialog yang sedang berlangsung.

# LAWATAN

## Northern Luzon Federation Cooperatives and Development Centre, Filipina

Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) telah menerima kunjungan dari sebuah Perbadanan Pembangunan Koperasi dari Filipina pada tanggal 25 Mei 2010 di mana seramai 35 orang delegasi telah hadir dan rombongan lawatan tersebut merupakan salah satu program lawatan yang dikendalikan oleh ANGKASA bagi memperkenalkan MKM sebagai salah sebuah agensi yang bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam pendidikan koperasi bagi para koperator di Malaysia.

Atur cara lawatan pada petang itu dimulakan dengan penyampaian taklimat daripada Puan Julia Bee Ramjan selaku Timbalan Pengarah Pengurusan MKM, dan tayangan video korporat MKM bertempat di Bilik Mesyuarat Anggerik.

Pelbagai isu mengenai MKM telah menambat perhatian para delegasi dan antaranya adalah mengenai perbezaan fungsi antara MKM dan ANGKASA dalam pemberian latihan kepada para koperator. Sepanjang taklimat yang mengambil masa hampir satu jam itu, para pegawai latihan yang hadir juga secara responsif telah bersoal jawab dengan para delegasi dengan mesra berkaitan isu-isu gerakan koperasi di kedua-dua buah negara.

Para delegasi telah dibawa melawat sekitar MKM untuk memberi visual yang jelas berkaitan kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampus MKM seperti perpustakaan, dewan auditorium, bilik-bilik kuliah, bilik siber, kafeteria dan sebagainya.



Para delegasi sedang khusyuk mendengarkan taklimat MKM.



Sesi tayangan video korporat sedang berlangsung sambil dihayati para delegasi yang hadir.



Pn. Julia Bee Ramjan (kanan) menyampaikan cenderamata kepada wakil NLFCDC (kiri) sebagai tanda ingatan.

# LAWATAN

dari

## Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA)



Dari kiri, En. Zainal bin Hj. Abu Bakar, En. Masri bin Hj. Durahim dan Pg. Shariffudin bin Pg. Hj. MAtali selaku wakil dari BINA.



Para pegawai Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi yang hadir dalam sesi perbincangan.

Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) adalah agensi utama bagi menggalakkan dan menyelaraskan pembangunan dalam sektor perindustrian dan perkoperasian di Brunei Darussalam. Perkhidmatan-perkhidmatan yang luas disediakan BINA termasuk membekalkan maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan serta membantu menyediakan ruang latihan kepada para koperasi di sana.

Lanjutan dari itu, memorandum usaha sama antara Kerajaan Malaysia (Maktab Kerjasama Malaysia) dan Kerajaan Brunei Darussalam (BINA) yang telah terjalin semenjak tahun 2007 secara tidak langsung memperkukuhkan hubungan dua hala dalam pembangunan dan kemajuan gerakan koperasi mengikut keperluan dan aliran semasa seperti program sangkutan, kajian kes, pertukaran maklumat dan kepakaran, aktiviti perniagaan dan keusahawanan serta penyelidikan dan konsultasi.

Rombongan delegasi seramai tiga orang dari BINA yang diketuai Pengarah BINA iaitu Pg. Shariffudin bin Pg. Hj. Matali, di mana turut disertai oleh En. Masri bin Hj. Durahim (Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Koperasi BINA), dan En. Zainal bin Hj. Abu Bakar (Ketua Unit Perkembangan, Perundangan dan Keusahawanan BINA) telah hadir ke Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) pada 18 Mei 2010 bagi membincangkan pembaharuan memorandum persefahaman (MoU) antara MKM dan BINA yang akan tamat pada 9 Julai 2010.



YM Pn. Hjh. Raja Maimon Raja Yusof (tengah) diiringi Pn. Norwatim binti Abd Latiff (kanan) menyampaikan cenderamata dari MKM kepada Pg. Shariffuddin bin Pg. Hj. Matali (kiri).

Perjumpaan ini telah mengambil tempat di Bilik Mesyuarat Anggerik dan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Akademik, YM Pn. Raja Maimon Raja Yusof, Pn. Norwatim binti Abdul Latiff selaku Ketua Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi yang menyelaras MoU dan beberapa orang pegawai latihan turut hadir bagi menyumbangkan idea serta memastikan kelancaran perjumpaan terbabit.

Kedua-dua pihak telah mencapai kata sepakat agar jalinan usaha sama ini disambung dengan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan demi manfaat yang bakal dicapai bukan sahaja kepada warga kerja kedua-dua buah institusi malah kepada gerakan koperasi Malaysia dan Brunei.





Majlis perasmian kursus MTCP 2010 telah disempurnakan oleh YB Dato' Tan Lian Hoe, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada 22 November 2010 bertempat di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya. Majlis ini telah dihadiri oleh seramai 100 orang jemputan yang terdiri daripada Pengarah MKM, Ahli-ahli Majlis MKM, pegawai-pegawai kanan MKM, pegawai-pegawai kedutaan dari negara Morocco, Nigeria, Sri Lanka dan Mauritius. Para peserta MTCP 2010 seramai 38 orang telah diperkenalkan kepada hadirin seorang demi seorang melalui persembahan multimedia.

Program Kerjasama Teknikal Malaysia atau Malaysian Technical Co-operation Programme (MTCP) adalah di bawah tajaan Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri bagi mempertingkatkan hubungan kerjasama teknikal antara Malaysia dengan negara-negara yang terpilih. Sehingga kini terdapat 140 buah negara yang berada dalam senarai penerima program MTCP.

Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi (ANTARABANGSA) bertindak selaku Sekretariat bagi Program MTCP di Maktab Kerjasama Malaysia.

Pada tahun 2010, MKM mengendalikan dua kursus MTCP iaitu "Certificate in Co-operative Poverty Reduction" dan "Certificate in Co-operative Financial Management" mulai 22 November 2010 hingga 17 Disember 2010. Kursus Poverty Reduction dikendalikan oleh Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi sendiri manakala kursus Financial Management adalah di bawah Pusat Perakaunan dan Kewangan.

Peserta MTCP pada tahun ini adalah dari Cambodia, China, India, Indonesia, Iran, Jordan, Kiribati, Lebanon, Malawi, Mauritius, Mongolia, Morocco, Nepal, Nigeria, Filipina, Cape Verde, Sri Lanka, Sudan, Uganda, Vietnam dan Zambia. Seramai 20 orang peserta mengikuti kursus Poverty Reduction dan 17 orang peserta mengikuti kursus Financial Management.

Objektif utama kursus Poverty Reduction ialah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta tentang peranan koperasi, polisi, perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan Malaysia bagi menangani masalah kemiskinan serta perkongsian pengalaman dan langkah-langkah dalam memperbaiki status sosio ekonomi untuk dipraktikkan apabila mereka kembali ke negara masing-masing.

Manakala objektif utama kursus Financial Management ialah untuk memberi kefahaman, pengetahuan dan informasi yang komprehensif mengenai pengurusan kewangan kepada para peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga, pengurus atau pegawai kanan koperasi yang bertanggungjawab menguruskan hal kewangan koperasi dan juga pegawai agensi yang menyelia koperasi.



:: Majlis Perasmian Persidangan.

# Persidangan ICA AP ke-9 di Beijing, China

( 1 September - 5 September 2010 )

**P**ersidangan International Cooperative Alliance (ICA) merupakan program tahunan untuk anggota ICA seluruh dunia. Persidangan peringkat Asia Pasifik diadakan berselang tahun dengan persidangan peringkat global. Persidangan di Beijing, China pada 1-5 September 2010 merupakan persidangan ICA peringkat Asia Pasifik yang ke-9.





Perwakilan Malaysia di Persidangan ICA.



Sebahagian peserta mesyuarat HRD.

Penyertaan delegasi Malaysia ke Persidangan International Cooperative Alliance (ICA) di Beijing, China pada 1-5 September 2010 adalah untuk mengambil bahagian dalam program berikut :

- i. Mesyuarat jawatankuasa yang ditubuhkan oleh ICA terutama jawatankuasa HRD, pengguna, wanita dan belia.
- ii. Forum penyelidikan (Research Committee)
- iii. Forum Dialog Kerajaan
- iv. 6th Cooperative Forum dan
- v. 9th Regional Assembly

Delegasi Malaysia ke persidangan ICA-AP adalah seramai 31 orang yang terdiri daripada wakil Agensi, ANGKASA dan Koperasi. Di antara 31 orang ini, seramai 12 delegasi, berstatus "wakil" manakala selebihnya adalah pemerhati. MKM diwakili oleh Pn. Siti Aisah binti Ismail (Ahli Majlis MKM), Pn. Julia Bee binti Ramjan (Timbalan Pengarah Pengurusan) dan Dr. Hj. Jamilah binti Din (Ketua Pusat Pengurusan Perniagaan dan Keusahawanan).

Dr. Hj. Jamilah binti Din telah membentangkan dapatan kajian mengenai "Competency Gap Among Cooperative Board Members and Managers in Malaysia", di Research Conference pada 2 September 2010, manakala Tn. Hj. Fauzi bin Daham Wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia, telah diberi tugas sebagai pembentang dalam sesi "Government Cooperative Dialogue" yang diadakan pada 3 September 2010.

Sepanjang persidangan banyak maklumat diperolehi di antaranya ialah kertas perbentangan oleh Co-operative College UK mengenai model koperasi sekolah di UK yang membuka keahliannya kepada ibu bapa dan masyarakat sekeliling. Dengan cara ini akan dapat melibatkan ibu bapa dalam perjalanan sekolah khususnya dalam penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan. Di Malaysia terdapat lebih kurang 2,115 koperasi sekolah menengah yang mempunyai potensi untuk dimajukan sekiranya ibu bapa dibenarkan menjadi anggota manakala di sekolah rendah pula penubuhan koperasi oleh ibu bapa sewajarnya digalakkan.

Perkara kedua yang boleh dijadikan contoh ialah berkaitan penubuhan pusat dinamakan 'Group Board Development Centre' di mana anggota yang berhasrat untuk menjadi Lembaga Pengarah akan dinilai dari kriteria pengetahuan, kemahiran dan kompetensi. Penilaian bertujuan untuk memastikan Lembaga yang dilantik mempunyai kelayakan yang setimpal dengan tanggungjawab perniagaan dan organisasi yang diterajui.

Hasil daripada penyertaan di persidangan ini telah membolehkan para perwakilan bertukar pengalaman dan mempelajari kejayaan koperasi di rantau ini. Perwakilan terdiri daripada peserta dari negara China, Jepun, Korea, Indonesia, Brunei, Singapore, Thailand, India, Pakistan dan lain-lain negara Asia Pasifik.

# ‘RETAILING AND DISTRIBUTION MANAGEMENT’ DI VAIKUNTH MEHTA INSTITUTE (VAMNICOM), PUNE, INDIA 26 JULAI HINGGA 8 OGOS 2010

Pada tahun 2009 Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Vaikunth Mehta Institute (VAMNICOM), India. Lanjutan daripada memorandum persefahaman ini maka MKM telah bekerjasama dengan VAMNICOM untuk menjalankan satu program latihan serta lawatan sambil belajar yang bertajuk ‘Retailing and Distribution Management’. Program ini adalah yang pertama kali diadakan selepas MoU ditandatangani.



*Pegawai-pegawai MKM, SKM, ANGKASA, KOPRO dan KOBARU bergambar di hadapan Vaikunth Mehta Institute, India.*





*:: Semasa sesi kuliah di VAMNICOM.*

Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai perjalanan pengurusan peruncitan dan saluran pengagihan dalam perniagaan di India. Program ini telah dijalankan selama 14 hari bermula dari 26 Julai sehingga 08 Ogos 2010. Seramai sembilan peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada 2 orang pegawai Maktab Kerjasama Malaysia(MKM), 3 orang pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia(SKM), 2 orang pegawai Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia(ANGKASA), seorang daripada Koperasi Pelaburan Pekerja Proton Berhad(KOPRO) dan seorang daripada Koperasi Kobaru Berhad(KOBARU).

Sepanjang program ini berlangsung kami telah didedahkan dengan perjalanan pengurusan peruncitan dan saluran pengagihan di India oleh pensyarah-pensyarah VAMNICOM dan penceramah jemputan daripada agensi-agensi yang terlibat. Kami juga turut dibawa ke beberapa koperasi yang berjaya di dalam bidang peruncitan dan pengagihan ini. Antara tempat lawatan yang kami kunjungi ialah Bharati Bazar dan Koperasi Grahak Peth, Pune. Pelbagai barangan dijual oleh koperasi ini kepada orang ramai. Di Grahak Peth ini juga turut menyediakan perkhidmatan yang lain sekiranya anggota koperasi menghadapi masalah. Tidak kira apa masalah sekalipun, koperasi ini akan membantu sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah anggotanya.

Selain itu, kami turut melawat Maharashtra State Agricultural Marketing Board (MSAMB). Fungsi MSAMB ini adalah untuk memastikan segala perjalanan aktiviti pemasaran pertanian di negeri Maharashtra

berjalan dengan lancar. MSAMB juga turut menyediakan pinjaman kepada APMC (Agriculture Produce Marketing Committees). Selain itu, MSAMB turut memberi khidmat nasihat kepada APMC dari segi pembangunan, perancangan dan pengurusan.

Kami juga telah dibawa mengunjungi dua buah perkampungan koperasi iaitu di Dattanagar dan Warananagar yang terletak di daerah Kolhapur. Antara koperasi yang kami lawati adalah Datta Cooperative Consumer Store dan Warana Bazaar. Ketika di sana, kami telah meninjau operasi kedai pengguna tersebut dan wakil koperasi iaitu En. Sushil Bhandane, En. B.B. Shinde dan En. Shankar Patil telah memberi penerangan mengenai latar belakang koperasi secara umum dan perjalanan aktiviti kedai pengguna ini secara khususnya. Kami juga telah berkesempatan berjumpa dengan pengasas yang juga pengerusi koperasi ini iaitu Shri. Appasaheb alias S.R. Patil. Selain itu kami turut melawat perkampungan koperasi yang lain iaitu terletak di daerah Solapur, Akluj. Antara koperasi yang kami kunjungi ialah Cooperative Departmental Store, Cooperative Dairy dan Cooperative Spinning Mill.

Secara keseluruhannya, program seperti ini telah banyak memberi kami pendedahan, pengajaran dan pengalaman yang tidak ternilai. Kesemua ini akan kami kongsi bersama gerakan koperasi di Malaysia khususnya bagi meningkatkan pencapaian koperasi. Harapan kami semoga program ini dapat diteruskan lagi di masa-masa yang akan datang.



*Bersama Dr. Y.S. Patil (empat dari kiri) selaku penyelaras program ini*



*Bersama Pengerusi Datta Cooperative Consumer Store, Shri. Appasaheb alias S.R. Patil (lima dari kiri)*

# SEMINAR PENGUPAYAAN MODAL INSAN KOPERASI

**12-13 NOVEMBER 2010 di HOTEL GRAND DORSETT, SUBANG**

Pada 12 - 13 November 2010, Pusat Pentadbiran, Perundangan dan Kepimpinan Koperasi Maktab Kerjasama Malaysia telah menganjurkan Seminar Pengupayaan Modal Insan Koperasi. Bertemakan 'Ke arah Meningkatkan Keupayaan Modal Insan Dalam Gerakan Koperasi Malaysia', seminar tersebut telah dihadiri seramai 223 orang koperator dari seluruh Malaysia. Program tersebut telah berlangsung dengan jayanya di Hotel Grand Dorsett, Subang, Selangor.

Seminar ini diadakan bagi memberi kesedaran kepada warga koperasi bagi mewujudkan dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi di negara ini, selaras dengan Teras Strategik ke III, Dasar Koperasi Negara 2011 - 2020. Seminar ini juga memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman dan maklumat mengenai strategi berkesan dan amalan terbaik ke arah meningkatkan keupayaan modal insan dalam gerakan koperasi Malaysia.

Kejayaan koperasi terletak pada kualiti modal insannya yang terdiri daripada anggota, Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalam dan kakitangannya. Pendidikan adalah faktor penting dalam usaha membina keupayaan modal insan, membangun kekuatan intelektual, meningkatkan pengetahuan dalam perniagaan dan membentuk sikap positif. Modal insan yang berilmu, berkemahiran dan bersikap positif adalah penentu kejayaan sesebuah koperasi.

Berikut adalah senarai kertas kerja yang telah dibentangkan :

Bil	Kertas Kerja	Pembentang
1	DKN 2011 - 2020 – Objektif dan Pelaksanaannya	YBhg. Dato' Mangsor bin Saad, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia
2	Keperluan Meningkatkan Keupayaan Modal Insan Dalam Gerakan Koperasi Malaysia	En. Ahmad Raji bin Yaakub, Ketua Pegawai Operasi Irshad HR Consulting Sdn. Bhd.
3	Meningkatkan Tahap Profesionalisme dan Penguasaan Ilmu Dalam Pengurusan Koperasi	YM Hjh. Raja Maimon binti Raja Yusof, Timbalan Pengarah (Akademik) Maktab Kerjasama Malaysia
4	Memupuk Pemikiran Kreatif, Inovatif dan Berbudaya Keusahawanan Dalam Kalangan Warga Koperasi	Tn. Haji Md. Ali bin Ahmad, Pengurus Pelajaran Bahagian 4P, ANGKASA



YBhg. Dato' Mangsor Saad membentangkan kertas kerja DKN 2011-2020, Objektif dan Pelaksanaannya.




Ahli Majlis MKM, Prof. Madya Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa selaku moderator pembentangan kertas kerja.



Warga koperator dari seluruh Malaysia yang hadir.



# SEMINAR HASIL PENYELIDIKAN MKM 2010



Pada 18 hingga 19 September 2010 telah berlangsung seminar yang bertemakan “Hasil Penyelidikan MKM 2010”, bertempat Hotel Permai Inn Kuala Terengganu, Terengganu. Seminar ini dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan (ReMAP), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dengan kerjasama MKM Wilayah Timur.

Objektif seminar ini diadakan adalah untuk membentangkan hasil penyelidikan MKM dari tahun 2008 hingga 2010 kepada gerakan koperasi, mengemukakan cadangan hasil penyelidikan bagi panduan dan kegunaan koperasi serta mendapatkan maklum balas daripada gerakan koperasi mengenai hasil penyelidikan tersebut.

Majlis perasmian seminar telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Mangsor bin Saad, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Antara intipati ucapan beliau adalah kepentingan penyelidikan dalam usaha membangunkan gerakan koperasi di Malaysia, peranan MKM menyebarkan maklumat dari hasil penyelidikan demi meningkatkan keupayaan modal insan gerakan koperasi dan seterusnya memantapkan peranan koperasi dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Seramai 250 orang koperator yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin koperasi dan pegawai-pegawai kerajaan yang menyelia koperasi telah menyertai seminar selama dua hari ini.

Sesi pembentangan dimulakan oleh En. Norazlan bin Hasbullah dan En. Ju Samsuddin bin Safian dengan

kertas kerja bertajuk “Cabaran Koperasi Pengguna Dewasa di Semenanjung Malaysia: Prospek dan Halatuju”. Kertas kerja ini telah memberikan gambaran terhadap senario terkini koperasi pengguna di Semenanjung Malaysia yang menjalankan aktiviti kepenggunaan dan menjelaskan faktor-faktor kejayaan, prospek serta hala tuju koperasi pengguna di masa akan datang. Di samping itu, usaha serta langkah proaktif yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan dan agensi-agensi berwajib di dalam merangsang pertumbuhan dan perkembangan koperasi pengguna turut difokuskan dalam pembentangan kertas kerja yang pertama ini.

Kertas kerja kedua bertajuk “Tahap Keusahawanan dalam Gerakan Koperasi di Malaysia” pula disampaikan oleh Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim selaku wakil pasukan penyelidikan yang dijalankan secara usaha sama antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan MKM. Di dalam kertas kerja ini beliau telah mengupas aspek tahap keusahawanan dalam gerakan koperasi, membina tipologi koperasi mengikut tahap keusahawanan dan mengenal pasti hubungan tahap keusahawanan dengan demografi koperasi. Beliau turut menjelaskan cadangan strategi untuk mempertingkatkan keupayaan koperasi dan memperkenalkan model keusahawanan koperasi tahap tinggi.



Peserta mengajukan soalan ketika sesi soal jawab



Berikutnya, pembentangan oleh YM Pn. Hj. Raja Maimon binti Raja Yusof dengan kertas kerja beliau yang bertajuk "Penerimaan Produk Bumiputera dan Koperasi di Hypermarket". Menerusi kertas kerja ini, para peserta telah didedahkan dengan keadaan semasa serta isu-isu berkaitan dengan pemasaran produk usahawan bumiputera dan koperasi di hypermarket. Selain itu, para peserta juga memperoleh maklumat mengenai pengalaman usahawan bumiputera dan koperasi ketika berurusan dengan pihak hypermarket. Pembentangan kertas kerja yang terakhir telah disampaikan oleh Prof. Dr. Rosmimah binti Mohd Roslin. Kertas kerja bertajuk "Pembentukan dan Pengurusan Peruncitan Berlandaskan Sistem Koperasi" ini telah menilai sejauh mana konsep koperasi boleh diaplikasikan pada sistem peruncitan dan keupayaan koperasi dalam melaksanakan perniagaan peruncitan dalam konteks koperasi. Menurut beliau lagi, dua faktor yang menentukan kejayaan koperasi dalam bidang peruncitan adalah sokongan padu dari pihak kerajaan dan anggota serta keupayaan koperasi mengurus dengan berlandaskan sistem pengurusan strategik.

Dengan berakhirnya "Seminar Hasil Penyelidikan MKM 2010", para peserta diharapkan akan dapat menilai cadangan hasil penyelidikan yang dibentangkan dengan melihat keupayaan koperasi yang sebenar dan seterusnya berusaha menambahbaik sistem pengurusan dan pentadbiran koperasi agar sumbangan sektor koperasi kepada pembangunan negara akan dapat dipertingkatkan.



Prof. Dr. Rosmimah Mohd Roslin sedang membentangkan kertas kerja.



YBhg. Dato' Mangsor bin Saad ketika menyampaikan ucapan perasmian.





**KOLOKSIUM LATIHAN KOPERASI 2010**  
 DIRASMIKAN OLEH  
**Y. BHG DATO' MANGSOR BIN SAAD**  
 TIMBALAN Pengerusi MAJLIS  
 MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA  
 30 JUN 2010 - 1 JULAI 2010  
 GLENMARIE GOLF & COUNTRY CLUB, SHAH ALAM



# KOLOKSIUM LATIHAN KOPERASI 2010

Ke arah meningkatkan tahap kompetensi dalam kalangan Pegawai Latihan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) serta keupayaan modal insan gerakan koperasi di Malaysia, MKM sekali lagi telah menganjurkan program kolokium yang bertemakan "Kolokium Latihan Koperasi 2010". Program ilmiah ini telah berlangsung selama dua hari bermula pada 30 Jun hingga 1 Julai 2010 bertempat di Glenmarie Golf & Country Club, Shah Alam. Majlis perasmian kolokium telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mangsor bin Saad, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan (REMAP) telah bertindak selaku penyelaras utama program kolokium pada kali ini.

Seramai 155 orang peserta telah menyertai program kolokium ini. Mereka terdiri daripada Pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), SKM, MKM dan ANGKASA termasuk pegawai dari Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) serta pemimpin koperasi khususnya dari Lembah Klang.

Dengan memfokuskan kepada perkongsian ilmu dan pengalaman, Kolokium Latihan Koperasi 2010 melibatkan pembentangan oleh Pegawai Latihan MKM yang telah mengikuti

program sangkutan (attachment) di koperasi dalam dan luar negara yang berjaya serta menyertai program latihan di luar negara. Selain itu, program kolokium ini turut disertai oleh wakil SKM iaitu Tn. Hj. Mat Deris bin Mat Jusoh yang menerangkan mengenai Peruntukan Akta SKM dan wakil ANGKASA iaitu Cik Izatulnizah binti Zainal Abidin yang membentangkan hasil daripada Bengkel Memperkasakan Peranan Wanita di dalam Perniagaan Koperasi di Tehran dan Shiraz, Iran.

Pelbagai soalan, pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh para peserta semasa sesi soal jawab berlangsung. Di samping penglibatan aktif para peserta, pembentangan yang berkesan telah memberikan impak yang positif kepada semua yang hadir dalam usaha memastikan kejayaan koperasi dalam negara. Menerusi program kolokium ini, para peserta khususnya dalam kalangan Pegawai Latihan MKM akan dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh untuk memantapkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.



Secara keseluruhannya, terdapat 12 pembentangan kertas kerja mengenai kisah kejayaan koperasi dari dalam dan luar negara yang disampaikan oleh Pegawai Latihan MKM. Berikut merupakan senarai nama Pegawai Latihan MKM dan kertas kerja yang terlibat dalam sesi pembentangan Kolokium Latihan Koperasi 2010.

Nama Pembentang	Kertas Kerja Kisah Kejayaan Koperasi
En. Ngadi Robin	Arya Hair Repair Women Co-operative Lahijan Provinsi Guilan, Iran
En. Yusman Yacob	Iran Central Chamber of Cooperative
Pn. Farahaini Mohd Hanif	3rd ICA-Japan Training Course on Enhancement of Farmer's Income and Poverty Reduction Through Cooperatives
En. Ju Samsuddin Safian	Koperasi Penternak Sapi Bandung Utara, Indonesia
En. Mohd Safa'ai Said	Koperasi Pertanian di India: Indian Farmers Fertiliser Co-operative Limited (IFFCO)
En. Faiz Ahmad Yatim	Koperasi Pertanian di Belanda: The Royal Cosun
Pn. Ruzilah Abd Malek	Koperasi JA Sasakami: Japanese of Agriculture
Pn. Nor Aslamiah Ali	Koperasi JA Tomisato Shi: Japanese of Agriculture
En. Norazlan Hasbullah	Economic Partnership Training Course on Capacity Building for Agriculture Cooperative Marketing
Pn. Yusnita Othman	Helang Melebarkan Sayapnya: Koperasi Pembangunan Daerah Langkawi Berhad
Pn. Hj. Morni Md Salleh	Koperasi Kredit Rakyat – Semangat Koperasi Sejati
En. Shamsul Khairi Abu Hassan	Koperasi Cemerlang Berhad



*YBhg. Dato' Mangsor bin Saad ketika menyampaikan ucapan perasmian.*



*Peserta mengajukan soalan ketika sesi soal jawab.*



# *Bicara Eksekutif* “**Inovasi dan Kreativiti** *Ke arah* **Koperasi Berdaya Saing**”

“ Selaras dengan agenda kerajaan dalam membentuk satu budaya baru yang mengutamakan inovasi dan kreativiti dalam kehidupan rakyat Malaysia, Maktab Kerjasama Malaysia telah mengambil satu inisiatif dengan mengadakan Bicara Eksekutif yang bertajuk “ Inovasi dan Kreativiti Ke arah Pembentukan Koperasi Berdaya Saing” di bawah penyelarasan Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi, yang telah berlangsung pada 10 Jun 2010 di Auditorium Dato’ A. Majid, MKM Jalan Templer.”



YBhg. Tn. Hj. Idris Ismail (kiri) menyampaikan cenderahati sebagai tanda penghargaan kepada En. Ahmad Sultan Abdulla (kanan).



YBhg. Prof. Madya Datuk Haji Mohammad Ali Hassan (kiri) telah mempengerusikan majlis dan En. Ahmad Sultan Abdulla (kanan) sebagai penceramah.





*Pelbagai soalan yang disuarakan oleh para peserta.*

Seramai 170 orang peserta telah menyertai bicara eksekutif ini yang terdiri daripada anggota lembaga dan tenaga kerja koperasi dari sekitar Lembah Klang, Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Turut hadir sama adalah wakil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan ANGKASA.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tn Haji Idris bin Ismail, Pengarah MKM, manakala, YBhg. Prof. Madya Datuk Haji Mohammad Ali bin Hasan telah mempengerusikan program ini. Kertas kerja bicara eksekutif telah dibentangkan oleh En. Ahmad Sultan Abdulla yang merupakan konsultan di Ahmadsultan Mind@Works Consultancy.

Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman mengenai idea kreatif dan berinovasi di kalangan anggota koperasi serta kaitannya dengan gerakan koperasi; erta memberi pendedahan kepada usahawan koperasi supaya lebih berdaya saing dengan merebut peluang menerusi inovasi dan kreativiti; seterusnya memperkasakan gerakan koperasi dalam membina kapasiti perniagaan yang berdaya saing menerusi daya kreativiti dan inovasi perniagaan.

Ini kerana melalui inovasi dan kreativiti, gerakan koperasi dapat menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti serta mampu memberikan perkhidmatan yang lebih efisien kepada anggota koperasi dan pelanggan amnya. Ia juga bertindak sebagai pemacu dalam merealisasikan hasrat menjadikan koperasi sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara.



# Majlis ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2009



*Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bergambar mesra bersama YBhg. Datuk Mohd. Zain Mohd. Dom (duduk tiga dari kiri).*



*Penerima Anugerah Pengarah dan Anugerah Khidmat Setia dan Berjasa.*



*YBhg. Tn. Hj. Idris Ismail menyampaikan cenderahati kepada YBhg. Datuk Mohd. Zain Mohd. Dom.*

Setiap organisasi tidak kira badan-badan kerajaan mahupun swasta pasti akan meraikan suatu majlis penghargaan di atas khidmat pekerja-pekerja yang cemerlang. Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) turut menghargai penjawat awam yang berdedikasi melalui Hari Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2009.

Tanggal 2 Julai 2010, majlis APC diadakan di Auditorium Dato' Abdul Majid, MKM Petaling Jaya, Selangor. Majlis tersebut dirasmikan oleh Datuk Mohd. Zain bin Mohd. Dom, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Seawal jam 10 pagi, majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku diiringi kumpulan koir dari staf-staf MKM. Selesai nyanyian, majlis diteruskan dengan ucapan aluan oleh Pengarah MKM, Tn. Hj. Idris bin Ismail dan ucapan perasmian oleh Datuk Mohd. Zain bin Mohd. Dom.

Seramai 16 kakitangan MKM telah dipilih untuk menerima APC iaitu berupa wang tunai sebanyak RM1000 serta sijil penghargaan. Penganugerahan terdiri dalam pelbagai peringkat adalah sebagai menghargai mereka yang komited dalam melaksanakan amanah, memacu kejayaan dan menunjukkan kualiti dalam penghasilan kerja.

Selain itu, empat orang dipilih untuk menerima Anugerah Pengarah berupa sijil penghargaan serta wang tunai RM100. Sembilan orang pula menerima Anugerah Khidmat Setia dan Berjasa iaitu kelima-lima penerima berkhidmat melebihi 30 tahun, seorang penerima berkhidmat melebihi 25 tahun manakala tiga orang penerima telah berkhidmat lebih dari 15 tahun. Kesemua sembilan penerima tersebut mendapat sijil dan cenderamata daripada MKM.

Majlis ini cukup signifikan kerana APC adalah lambang kebanggaan serta pembakar semangat untuk menggalas tanggungjawab yang lebih baik selain memurnikan keperibadian yang unggul. Pengiktirafan yang diberikan menjadi sandaran amanah yang mesti dipikul dan dilaksanakan dengan penuh dedikasi sepanjang bertugas. Ini seterusnya menjadi rangsangan kepada warga MKM yang lain untuk berusaha gigih demi kecemerlangan MKM itu sendiri.

Tn. Hj. Idris bin Ismail dalam ucapannya berkata, tiada alternatif lain untuk menjadi cemerlang melainkan untuk bersaing secara sihat. "Kita bersaing bukan kerana kita mahu mengekalkan apa yang sedang dicapai tetapi kita bersaing untuk terus maju daripada apa yang telah dicapai masa kini". Beliau juga memetik kata dari seorang tokoh pemikir pengurusan iaitu Edward De Bono yang berbunyi "Only those who plan for success will survive, while those who plan only to survive will fall".

Majlis yang berlangsung pada pagi Jumaat yang berbahagia turut diselitkan dengan pelancaran portal Knowledge Management System (KMS). Portal ini adalah sebuah medium khas di mana kakitangan MKM dapat menyuarakan pendapat, idea dan perkongsian maklumat di tempat kerja. Malah portal ini juga bertujuan untuk berkongsi pengetahuan secara bersama dalam meningkatkan produktiviti, kualiti dan pertumbuhan organisasi supaya objektif-objektif MKM dapat dicapai dengan cara yang lebih berkesan.

# Bicara Eksekutif “1 KOMUNITI 1 KOPERASI”



Ahli panel dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Koperasi Opah Sri Aman Bhd yang dipengerusikan oleh Pegawai MKM.



Kerajaan Malaysia melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah memperkenalkan pendekatan ‘1 Komuniti, 1 Koperasi’ bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia pelbagai komuniti bersatu padu dan bergabung dalam koperasi serta menerapkan budaya keusahawanan di kalangan mereka. Bagi menyahut seruan ini, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Cawangan Sarawak telah menganjurkan program Bicara Eksekutif bertemakan ‘1 Komuniti, 1 Koperasi’ di Hotel Imperial Miri pada 6 November 2010 (Sabtu). Program ini telah dirasmikan oleh Yang Mulia Hajjah Raja Maimon Binti Yusof, Timbalan Pengarah (Akademik) Maktab Koperasi Malaysia.

Objektif penganjuran program pada kali ini adalah bertujuan memberi pendedahan pendekatan ‘1 Komuniti 1 Koperasi’ kepada masyarakat, umumnya dan para koperator khususnya di samping membuka peluang kepada mereka ke arah usaha menambah nilai perniagaan koperasi untuk menjadikan ia terus relevan dan kompetitif dalam perniagaan masa kini. Di samping itu, pengalaman koperasi komuniti berjaya juga turut dikongsi bersama dengan warga koperator yang hadir. Sebanyak dua buah kertas kerja telah dibentangkan dalam program ini iaitu kertas kerja pertama oleh Encik Kamri Bin Mustapha, Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan SKM Sarawak

bertajuk ‘1 Komuniti, 1 Koperasi: Ke Arah Meningkatkan Sosio Ekonomi Anggota’ dan kertas kerja kedua bertajuk ‘Model Koperasi Komuniti: Satu Pengalaman Kejayaan Koperasi’ oleh Encik Zalaluddin Bin Desa, Pengerusi Koperasi Opah Sri Aman. Kedua-dua kertas kerja masing-masing dipengerusikan oleh Encik Ngadi Bin Robin, Pegawai Latihan Kanan MKM. Kertas kerja pertama telah berjaya mengupas konsep dan faedah penubuhan koperasi dalam setiap komuniti serta usaha-usaha mengkoperasikan masyarakat Malaysia. Manakala, kertas kerja kedua adalah lebih berkisar kepada perkongsian pengalaman koperasi sendiri, resipi kejayaan serta pembinaan jati diri anggota.

Program ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 263 orang warga koperator dan masyarakat umum serta rombongan koperasi dari negara jiran, Brunei Darussalam. Melalui program ini, adalah diharapkan agar masyarakat Malaysia akan terus peka kepada perkembangan koperasi tanah air di samping membuka minda mereka terhadap kerelevanan koperasi dalam membantu meningkatkan sosio ekonomi anggota serta peluang-peluang yang sedia terbuka luas setelah menceburi bidang ini nanti.

*Pelbagai soalan yang diutarakan oleh para peserta.*





# Anggota KOTAMAS Timba Ilmu Koperasi

Program Bersama Koperasi Telekom Malaysia (KOTAMAS) Berhad telah dilangsungkan di Pustaka Miri Sarawak pada 8 Ogos 2010. Program ini telah dianjurkan oleh Maktab Kerjasama Malaysia Cawangan Sarawak (MKMCS) agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan kerjasama KOTAMAS Berhad. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang koperasi kepada Anggota KOTAMAS di Bahagian Miri.

Program tersebut telah dihadiri seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Koperasi dan Ahli Jawatankuasa Perhubungan KOTAMAS Negeri Sarawak. Pengisian program ini telah disampaikan oleh En. Mohamad Suandi bin Mortadza (Pegawai Latihan MKMCS) dan En. Frank Meol Abdullah (Pegawai Latihan MKMCS). Antara tajuk-tajuk utama yang dibentangkan adalah Istimewanya Koperasi, Peranan dan Tanggungjawab Anggota Koperasi dan Pembudayaan Keusahawanan Dalam Koperasi.

Majlis Penutupan Program ini telah disempurnakan oleh Pengerusi KOTAMAS Berhad, Tuan Hj. Ismail Nordin. Antara intipati di dalam ucapan, beliau menyeru agar anggota koperasi



Warga KOTAMAS Miri yang menghadiri program.



Dari kanan: Setiausaha Kehormat KOTAMAS Hj. Mustapha Md. Nasir, Pengerusi KOTAMAS Berhad, Tn. Hj. Ismail Nordin dan Bendahari Kehormat KOTAMAS, Hj. Ahmad Shamsuddin Hj. Ramli.

berbangga menjadi anggota KOTAMAS kerana banyak faedah dan manfaat yang diperolehi apabila menjadi anggota koperasi. Anggota koperasi bukan sahaja boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh koperasi malah mendapat faedah lain seperti perlindungan insurans sekiranya berlaku kemalangan yang menimpa anggota. Beliau juga menyeru kepada anggota koperasi yang berminat menjadi usahawan koperasi boleh berbincang bersama Ahli Lembaga dan Pengurusan Koperasi dari semasa ke semasa untuk manfaat anggota sendiri. Beliau juga menggalakkan kepada anggota yang hadir agar mempromosikan KOTAMAS kepada warga kerja Telekom Malaysia yang belum menjadi anggota koperasi. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak Maktab Kerjasama Malaysia Sarawak kerana menjayakan program ini yang julung kalinya diadakan di Sarawak.

Majlis Penangguhan Program turut dihadiri oleh Setiausaha Kehormat KOTAMAS Hj. Mustapha Md Nasir, Bendahari Kehormat KOTAMAS Hj. Ahmad Shamsuddin Hj. Ramli, Anggota Lembaga Pn. Mesnah A Manaf dan Pengerusi Perhubungan Negeri En. Abd Ghazi Obeng.

# MINGGU ORIENTASI SIJIL PENGURUSAN KOPERASI SESI JULAI 2010



*Bacaan ikrar oleh pelajar Sijil Pengurusan Koperasi sesi Julai 2010.*

Pendaftaran pelajar Sijil Pengurusan Koperasi (SPK) Sesi Julai 2010 telah diadakan pada 31 Julai 2010 di Maktab Kerjasama Malaysia Cawangan Sarawak (MKMCS). Seramai 35 orang pelajar telah mendaftar. Minggu Orientasi Program SPK ini diadakan pada 31 Julai 2010 sehingga 1 Ogos 2010. Program SPK memulakan pengambilannya pada Februari 2006 yang merupakan usaha Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) ke arah melengkapkan gerakan koperasi di negeri Sarawak dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang komprehensif dalam persekitaran yang kompetitif pada masa kini. Program ini dikendalikan secara separuh masa untuk tempoh satu setengah tahun di kampus MKMCS.

Pengisian Minggu Orientasi pada tahun ini dimulakan dengan amanat yang telah disampaikan oleh En. Ngadi bin Robin, Pemangku Pengarah MKMCS. Beliau menegaskan agar pelajar yang baru mendaftar dapat menamatkan program ini hingga bergraduasi. Beliau juga menerangkan proses untuk mendapatkan pengiktirafan MQA (Malaysian Qualifications Agency) sedang dijalankan bermula pengambilan pada kali ini.

Selain itu, pengisian Minggu Orientasi ini diisi dengan maklumat mengenai program Akademik MKMCS yang telah disampaikan oleh Pn. Sh Rohaya Binti Wan Idris. Manakala untuk Pengurusan MKMCS pula telah diterangkan oleh Cik Dayang Adelina Binti Abg Muan. En. Frank Meol Abdullah pula telah berkongsi mengenai Pengenalan Koperasi yang bertajuk **“Jika tak kenal, maka tak cinta”**.

Program selama 2 hari itu juga turut diisi dengan sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Program LDK bermatlamatkan untuk membentuk jati diri, kepimpinan dan bina upaya peserta dalam mengharungi suasana pembelajaran secara separuh masa. Sesi LDK ini telah dikendalikan oleh En. Mohamad Suandi Mortadza. Pada akhir program, sesi Bacaan Ikrar dan menandatangani Ikrar Pelajar telah diadakan.



# KURSUS PENYEDIAAN Perancangan Perniagaan Koperasi : **Soya**



Sejajar dengan sasaran kerajaan dalam memastikan sektor koperasi mampu menyumbang sekurang-kurangnya lima peratus kepada KDNK negara menjelang tahun 2013, pelbagai inisiatif telah diambil oleh agensi berkaitan dalam memastikan para koperator agar terus berusaha untuk melibatkan diri dengan lebih aktif di dalam pelbagai jenis aktiviti ekonomi yang terdapat di pasaran dewasa ini.

Menyedari hakikat tersebut, Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) Cawangan Sarawak sekali lagi telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan kursus Penyediaan Perancangan Perniagaan Koperasi: Soya bertempat di Dynasty Hotel Miri sebagai salah satu usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan anggota koperasi. Kursus yang dijalankan selama 3 hari dari 28 hingga 30 Julai 2010 tersebut telah dihadiri oleh 38 orang anggota, ALK dan pengurusan koperasi daripada sekitar Bahagian Miri, Marudi dan juga dari Kuching.

Sepanjang perjalanan kursus terbabit, para peserta telah didedahkan kepada teknik memproses dan perusahaan perniagaan produk soya seperti air soya, tauhu manis dan tauhu keras selain memahami kaedah pengurusan, perniagaan dan pemasaran produk soya dan kaedah penyediaan kertas projek. Bagi melancarkan lagi perjalanan kursus tersebut, seorang penceramah jemputan iaitu En. Abdul Rahman yang juga merupakan seorang peniaga produk soya di Bandar Miri telah dijemput untuk menerangkan dengan lebih terperinci lagi berkenaan kaedah-kaedah penyediaan tersebut selain bertindak sebagai fasilitator sepanjang aktiviti praktikal dijalankan.

Melalui teori dan latihan yang dijalankan semasa kursus ini, ianya diharapkan mampu mencetus idea baru kepada para usahawan koperasi untuk menceburkan diri di dalam perniagaan berasaskan produk soya. Apa yang pasti, permintaan yang tinggi ke atas produk tersebut menjanjikan pulangan yang cukup lumayan kepada koperasi dan juga ahlinya melalui pengamalan kaedah usahawan dalaman koperasi di dalam perjalanan perniagaan mereka.



*En. Abdul Rahman menunjukkan demonstrasi cara-cara penyediaan soya.*



*Air soya yang telah dihasilkan dan amat berkhasiat untuk kesihatan.*

# HARI KOPERASI SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2010

Kreativiti dan Inovasi Memperkasakan Koperasi Sekolah merupakan tema Hari Koperasi Sekolah (HKS) bagi tahun 2010 yang begitu sinonim dengan hasrat kerajaan yang menekankan pembinaan modal insan yang mempunyai daya pemikiran kreatif dan berinovasi dalam pembangunan koperasi. Gerakan koperasi sekolah kini mengorak langkah dengan menekankan unsur kreatif untuk membina koperasi yang berdaya saing dan mengekalkan serta memupuk prinsip-prinsip koperasi dalam kalangan anggota.

Koperasi sekolah dilihat sebagai wadah terbaik yang menyediakan persekitaran kondusif bagi membina modal insan yang mempunyai daya kreativiti dan inovatif. Setiap aktiviti yang dilaksanakan hendaklah sentiasa diberikan suntikan baru berdasarkan pemikiran kritis oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK), khususnya daripada kalangan pelajar.

Peluang ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin oleh anggota koperasi sekolah kerana mereka akan mengisi ruang kepimpinan koperasi dan usahawan pada masa hadapan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan apabila menceburi bidang pekerjaan. Di samping itu, pemikiran yang kreatif akan menjadikan anggota koperasi sebagai seorang pengguna yang sentiasa peka dengan aspirasi kerajaan dan bertindak balas secara rasional kepada persekitaran kepenggunaannya.



YAB Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin (kiri) bersama Tn. Hj. Idris Ismail (kanan) semasa melawat gerai pameran MKM Wilayah Timur.



Pn. Najmah Nawawi, Pengarah Wilayah MKM Wilayah Timur (kanan) bersama petugas booth.





YBhg. Datuk Tn. Hj. Md. Yusof b. Samsudin merasmikan Hari Koperasi Negara Peringkat Terengganu 2010 dan Pelancaran 1 Kampung 1 Koperasi.

# HARI

## KOPERASI NEGARA

### Peringkat Negeri Terengganu 2010

### Dan Pelancaran 1 Kampung 1 Koperasi

Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Terengganu yang diadakan di Pusat Dagangan Terengganu (TTC) pada 01- 03 Julai 2010 telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Tn. Hj. Md. Yusof b. Samsudin, Timbalan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan jayanya.

Sambutan Hari Koperasi Negara berserta pelancaran 1 Kampung 1 Koperasi ini bermatlamat untuk memberikan pendedahan kepada setiap golongan masyarakat terutamanya masyarakat kampung berkaitan betapa pentingnya peranan dan usaha SKM bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat ini.

Dengan adanya program-program seperti ini, ia diharapkan menjadi salah satu daripada strategi berkesan SKM untuk menggalakkan lebih banyak

koperasi kampung ditubuhkan dan didaftarkan selaras dengan Indeks Utama Pencapaian (KPI) SKM.

Ini kerana kebanyakan masyarakat kampung sudah lama mengamalkan semangat kerjasama (gotong-royong) dan mereka digalakkan menterjemahkan semangat ini ke dalam bentuk yang lebih rasmi lagi iaitu dengan menubuhkan koperasi di setiap kampung.

Penubuhan koperasi ini sangat perlu bagi membolehkan SKM merealisasikan hasrat Kerajaan negeri untuk mewujudkan 1 Kampung 1 Koperasi (1K1K) yang mana selaras dengan kehendak YB Menteri untuk merealisasikan konsep 1 Komuniti 1 Koperasi.

# EKSPLO BELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA



## PELUANG PERNIAGAAN FRANCAIS ZON TIMUR

**PADA 04-07 NOVEMBER 2010  
DI EAST COST MALL, KUANTAN PAHANG.**



**BUATAN MALAYSIA**

Kempen Beli Barangan Malaysia merupakan susulan daripada Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia yang dilancarkan pada tahun 1998. Penjenamaan semula kempen ini bertujuan untuk menggalakkan pengguna membeli barangan buatan Malaysia dengan harga yang berpatutan dan membantu pengusaha tempatan dalam menghadapi pertumbuhan ekonomi yang kurang memberangsangkan. Ia juga bagi mewujudkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang barang dan perkhidmatan yang ditawarkan di Malaysia setaraf dengan piawai antarabangsa dan dijual dengan harga yang berpatutan.

Sehubungan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK) telah mengadakan Ekspo Beli Barangan Buatan Malaysia dan Peluang Perniagaan Francais dan Majlis Penutupan Ekspo ini dirasmikan oleh YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang berlangsung dari 4 hingga 7 November 2010 yang bertempat di East Cost Mall, Kuantan Pahang.

Objektif utama ekspo ini diadakan ialah untuk mewujudkan dan meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna untuk membeli barangan buatan Malaysia serta menyedarkan para pengguna untuk membeli barangan buatan Malaysia yang tidak kurang kualiti berbanding barangan luar negara. Hal ini kerana masih terdapat kelompok rakyat Malaysia yang masih tidak mengenali barangan buatan Malaysia. Selain itu, pengguna juga berpeluang mengetahui peluang-peluang perniagaan francais yang turut serta dalam menjayakan ekspo ini. Lebih dari sepuluh booth francais yang menyertai ekspo ini termasuk francais dari Leno dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS).

Dengan membeli barangan tempatan, ia bukan saja menyekat aliran wang ke luar negara, tetapi lebih penting menggalakkan pembangunan industri atau perusahaan tempatan. Rakyat negara ini mempunyai banyak pilihan produk tempatan. Daripada barangan elektronik, keperluan rumah dan perhiasan sehinggalah kepada barangan keperluan harian seperti makanan. Sebagai negara membangun, Malaysia sebenarnya telah banyak menghasil dan mengeluarkan pelbagai barangan serta produk sendiri. Sudah tiba masanya bagi rakyat Malaysia tidak lagi mengagungkan barangan luar kerana barangan keluaran tempatan kini sudah setanding dengan produk luar dari segi kualitinya, malahan sesetengah produk keluaran negara kita dijamin lebih baik lagi.

Demikian juga sikap prejudis memandang rendah barangan tempatan, ia perlu dibuang jauh dari sudut pemikiran pengguna Malaysia dan sebaliknya membina semangat **"Malaysia Boleh"** dari serba-serbi, termasuk soal kualiti dan standard barangan sendiri. Yang penting sebenarnya ialah perubahan dari segi mentaliti dan sikap pengguna untuk beralih kepada barangan tempatan. Selagi sikap dan mentaliti tidak diubah, maka selagi itulah Negara tidak dapat mengembangkan produk tempatan di negara sendiri. Selain mengelak aliran keluar wang negara ini, penganjuran ekspo dan kempen ini juga bagi menggalakkan pembangunan industri tempatan yang berkaitan untuk menghasilkan produk lebih berkualiti dan berdaya saing.



# KARNIVAL JUALAN DAN EKSPLO KOPERASI PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2010

**Karnival Jualan dan Ekspo Koperasi peringkat negeri Kelantan telah disempurnakan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Y. Bhg. En. Wan Muhamad Sabri Bin Wan Harun di KB Mall, Kelantan dari 14 hingga 16 Oktober 2010.**

Sempena karnival tersebut, Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) Wilayah Timur turut serta menyertai pameran bagi mempromosikan MKM Wilayah Timur kepada para koperator terutamanya di negeri Kelantan. Para pengunjung mendapat penerangan serta taklimat dari pihak MKM Wilayah Timur mengenai koperasi dengan lebih terperinci sepanjang karnival berlangsung.

Penganjuran karnival sebegini amat dialu-alukan kerana secara tidak langsung dapat membuka peluang kepada MKM Wilayah Timur mempromosikan kursus-kursus yang dijalankan di samping memperkenalkan MKM Wilayah Timur lebih dekat kepada koperator-koperator yang berada di Pantai Timur.

# BICARA TOKOH 'RMK ke-10 : Peluang Dan Cabaran Perniagaan Dalam Koperasi



*Sambutan yang amat menggalakkan daripada peserta di Wilayah Utara.*

Cinta Sayang Golf & Country Resort di Sungai Petani, Kedah adalah sebuah destinasi yang tidak asing lagi di kalangan rakyat tempatan. Lokasinya yang strategik iaitu di tengah-tengah bandar Sungai Petani menjadi pilihan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) Wilayah Utara dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Kedah sebagai penganjur bersama untuk menjayakan sebuah program Bicara Tokoh ini.

Program Bicara Tokoh telah diadakan pada tanggal 21 Oktober 2010 mendapat sambutan yang menggalakkan di mana hampir 150 peserta hadir. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah SKM Negeri Kedah, YBhg. Tn. Hj. Zainun Hamzan bin Stapa. Antara tetamu kehormat yang hadir termasuklah Pengarah Wilayah MKM Wilayah Utara, YBhg. En. Mohd. Zaib bin Mat Yunus serta para pemimpin koperasi sekitar negeri Kedah. Program yang bertemakan RMK10 dengan tajuk "Peluang dan Cabaran Perniagaan Dalam Koperasi".

Sebanyak dua kertas kerja dibentangkan oleh penceramah jemputan sepanjang program berlangsung. Kertas kerja yang pertama telah dibentangkan oleh Prof. Dr. Hj. Hamsiah binti Ismail, Presiden dan Penasihat KUSDA Holding Sdn. Bhd. Bertajuk "Cabaran dan Peluang Gerakan Koperasi Dalam Dunia Perniagaan". Kertas kerja kedua pula bertajuk "Pembangunan Keusahawanan Dalam Perspektif Islam Kini" yang dibentang oleh Prof. Madya Dr. Abdul Aziz bin Hanafi iaitu Dekan Kuliah Syariah dan Undang-Undang Kolej Universiti INSANIAH (KUIN).

Maklum balas yang diterima peserta program amat positif serta menyumbang kepada objektif program tersebut. Para peserta telah didedahkan dengan isu semasa, perkara-perkara berkaitan kemajuan serta motivasi bagi memacu kejayaan mengikut hala tuju koperasi dan tindakannya bagi mencapai kejayaan koperasi secara global.

Melalui program tersebut, koperator- koperator mendapat pendedahan sebenar dari kejayaan usahawan yang boleh dikongsi bersama demi kemajuan gerakan koperasi di negeri Kedah dan seluruh Malaysia amnya. Justeru itu amatlah diharapkan kerjasama seperti ini diteruskan lagi pada masa hadapan.



# Program SAMBUTAN KOPERASI BERSAMA RAKYAT NEGERI PERLIS



Satu lagi catatan sejarah dilakar iaitu pada tarikh keramat 10 Oktober 2010, Suruhanjaya Koperasi Negeri Perlis menganjurkan sambutan Koperasi Bersama Rakyat Negeri Perlis di FELDA Lubuk Sireh, Padang Besar, Perlis. Dirasmikan oleh YAB. Dato' Seri Dr. Md. Isa bin Sabu, Menteri Besar Perlis di Dewan Rancangan FELDA Gugusan Lubuk Sireh, program ini mendapat sambutan amat menggalakkan dari warga FELDA dan rakyat Perlis amnya.

Pelbagai program sebenarnya telah dianjurkan seminggu sebelum majlis perasmian termasuklah pertandingan Penulisan Esei Koperasi, treasure hunt pada 9 Oktober 2010, taklimat oleh pihak ANGKASA, pameran, sukan rakyat, kempen derma darah, cabutan Barakah dan diakhiri dengan Forum Perdana Ehwat Islam pada malam 10 Oktober 2010.

Objektif Majlis Sambutan Koperasi Bersama Rakyat Negeri Perlis adalah untuk meningkatkan perhubungan antara koperasi dengan kerajaan negeri Perlis, Kerajaan Persekutuan serta agensi yang berkaitan. Majlis ini juga bertujuan untuk meningkatkan silaturrahim antara koperator dengan masyarakat serta koperasi-koperasi di seluruh negeri Perlis. Selain itu, program tersebut memberi peluang kepada agensi kerajaan dan koperasi untuk mempromosi perkhidmatan atau produk mereka di samping menyampaikan maklumat dan hebahan terkini mengenai gerakan koperasi kepada anggota koperasi dan masyarakat umum negeri Perlis amnya.

Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) Wilayah Utara turut diberi peluang keemasan ini dengan menyertai pameran yang diadakan pada 9 dan 10 Oktober 2010 di perkarangan Dewan Rancangan FELCRA Gugusan Lubuk Sireh. Pameran berkenaan program yang dianjurkan MKM Wilayah Utara mendapat maklum balas amat menggalakkan dari para koperator di mana mereka berminat untuk hadir dalam kursus-kursus yang bakal diadakan termasuklah program Bicara Tokoh dan Bicara Eksekutif yang bakal diadakan pada Oktober, November dan Disember ini.

Secara keseluruhannya, program ini mendapat sambutan menggalakkan dari warga FELDA Lubuk Sireh khususnya dan rakyat negeri Perlis amnya di mana program ini mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi MKM Wilayah Utara, penglibatan dalam program seumpama ini merapatkan lagi hubungan antara MKM dan para koperator dalam negeri Perlis itu sendiri.



Pengarah MKM Wilayah Utara, YBhg. En. Mohd. Zaib Mat Yunus (tengah) bersama-sama pegawai latihan MKM Wilayah Utara.





## PERSEMBAHAN AMAL, TEATER MUZIKAL LAGENDA TAN SRI P. RAMLEE

*Anjuran Bersama*

### KUMPULAN SENI BUDAYA MKM (KSB) DAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR MKM (MPP)

Satu pementasan Teater Muzikal Lagenda Tan Sri P. Ramlee telah diadakan di Auditorium Dato' A. Majid, MKM pada 15 Oktober 2010 jam 8.15 malam. Pementasan yang julung kali diadakan ini mendapat sambutan di luar jangkaan pihak urus setia apabila tiket habis dijual dan ada sebahagian pelajar sanggup membayar pada malam pementasan tersebut walaupun tidak mendapat cenderahati daripada pihak penganjur.

Pementasan yang melibatkan seramai 50 orang pelakon dan 30 orang Ahli Jawatankuasa ini telah memulakan latihan pementasan dan penyediaan peralatan semenjak awal bulan Ramadhan lagi. Walaupun terpaksa membahagikan tugas di antara pelajaran dan kelab, para pelajar yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap kedua-duanya.

Teater Muzikal ini menggabungkan pelbagai adegan/ babak menarik lakonan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee di antaranya Ali Baba Bujang Lapok, Seniman Bujang Lapok dan Nujum Pak Belalang. Lakonan dan lawak yang bersahaja para pelakon menggamatkan suasana dewan dengan gelak ketawa penonton yang menyaksikan teater tersebut.

Pada malam pementasan, pihak penganjur telah menjemput 40 orang anak-anak dari Rumah Nur Salam, Yayasan Salam untuk menyaksikan pementasan tersebut seterusnya menyerahkan sumbangan amal hasil daripada jualan tiket teater. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh YM Pn. Raja Maimon binti Raja Yusoff kepada wakil Rumah Nur Salam, Yayasan Salam dan pementasan Teater Muzikal berakhir jam 10.30 malam.



# Seminar Pelajar Kreatif Dan Inovatif Ke Arah Melahirkan Modal Insan Yang Kompeten Dalam Koperasi



*Dr. Robiah K. Hamzah (kanan) mencerikan suasana dengan pelbagai isu yang mencuit hati.*



*Penuh pengisian ceramah yang disampaikan oleh Tn. Hj. Hushim Hj. Salleh.*

**S**eiring dengan penekanan kerajaan dalam membentuk modal insan yang berkualiti dan berdaya saing menjelang 2020, Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi Maktab Kerjasama Malaysia telah mengambil inisiatif yang progresif dengan mengadakan seminar pelajar yang bertajuk “**Kreatif Dan Inovatif Ke Arah Melahirkan Modal Insan Yang Kompeten Dalam Koperasi**”. Seminar yang diadakan pada 1 November 2010 ini telah diadakan di hotel Crystal Crown dan telah dihadiri seramai 327 orang peserta yang di antaranya terdiri daripada anggota Koperasi Pelajar MKM, Koperasi Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Koperasi Kolej Komuniti Hulu Langat dan Koperasi Belia Malaysia.

*Sebahagian pelajar yang turut hadir.*





Deraian gelak ketawa para peserta memecah kesunyian pagi apabila pengisian slot "Remaja Dan Cabaran Hidup", yang disampaikan oleh Dr. Robiah binti K. Hamzah mampu mencuit hati dan membuka minda para peserta. Kepakaran beliau sebagai kaunselor sememangnya tidak dapat disangkal apabila pelbagai isu remaja dapat dikupas dengan baik dan berkesan di hati para peserta. Dalam pengisian tajuk tersebut Dr. Robiah menekankan tentang roh dan jasad manusia adalah pinjaman Allah semata-mata. Sehubungan dengan itu, manusia perlu menggunakan dan menghargainya dengan baik. En. Shamsul Khairi bin Abu Hassan, Pegawai Latihan, Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi bertindak selaku moderator bagi slot ini.

Bagi slot "Pembentukan Pemikiran Kreatif dan Inovatif", dipengerusikan oleh Pn. Morni binti Salleh, Pegawai Latihan Kanan, Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi dan ceramah disampaikan oleh Tuan Haji Hushim bin Haji Salleh, Pakar Motivasi dan Kaunselor Berdaftar dan En. Yunus bin Jurait, Kaunselor SMK Serendah. Pembentukan jati diri yang mantap, teknik komunikasi berkesan, kreatif dan inovatif dalam pembelajaran, pengurusan personaliti dan imej diri menjadi intipati utama slot ini. Dengan gaya penyampaian bersahaja penceramah yang mencuit hati, menyebabkan para peserta tidak kering gusi dengan gelak tawa terutama apabila ianya berkisar tentang teknik komunikasi dan imej diri peserta.

"Perkongsian Kejayaan Dan Pengalaman" bersama bekas pelajar MKM, En. Jeffrizon bin Ismail, Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Kanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, dan Tuan Haji Haikal bin Haji Mohd Barkawi, seorang usahawan, mengisi slot terakhir seminar tersebut.

Pelbagai tips pembelajaran dan kaedah mengatasi cabaran semasa belajar yang telah dilalui oleh kedua-dua penceramah ini dikongsi bersama para peserta agar menjadi pembakar semangat peserta yang bakal menduduki peperiksaan akhir. Slot terakhir ini dipengerusikan oleh Pn. Norwatim binti Abd Latiff, Ketua Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi MKM.

Berdasarkan borang penilaian kursus, secara keseluruhannya maklum balas yang diterima oleh urus setia Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi MKM adalah positif dan para peserta berharap mereka akan diberi peluang untuk menghadiri program sebegini pada masa akan hadapan.

*Sebahagian pelajar yang turut hadir.*





# MINGGU ORIENTASI PELAJAR DIPLOMA PENGURUSAN KOPERASI SESI JUN 2010

**Pada 28 Jun sehingga 2 Julai 2010 yang lalu telah berlangsungnya minggu orientasi pelajar Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) bagi Sesi Jun 2010. Minggu orientasi ini telah diadakan selama 5 hari dimana hari pertama adalah merupakan hari pendaftaran pelajar baru ini. Pendaftaran telah diadakan seawal jam 8.00 pagi di mana suasana sibuk telah mula kelihatan di Maktab Kerjasama Malaysia (MKM).**

Bertempat di Bilik Bunga Raya, pelbagai ragam pelajar ditemani ibu bapa masing-masing dapat dilihat sepanjang hari pendaftaran tersebut. Tambahan pula, seramai 15 orang fasilitator yang telah dilantik juga tidak menangan dalam membantu para pelajar bersama ibu bapa mereka dan ini dilakukan bagi memastikan hari pendaftaran berjalan dengan lancar. Seramai 101 orang pelajar dari pelbagai negeri termasuk Sabah telah mendaftar bagi mengikuti program DPK Sesi Jun 2010 ini.

Pada sebelah petangnya, telah diadakan Majlis Perasmian Minggu Orientasi DPK yang dirasmikan oleh Pn. Norwatim binti Hj. Abdul Latiff, Ketua Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi, MKM di Auditorium Dato' A. Majid. Setelah tamatnya majlis perasmian tersebut, bermulalah minggu orientasi pelajar dengan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

Sepanjang minggu orientasi ini, pelbagai pengisian bermanfaat telah diatur bagi membantu pelajar khususnya dalam menempuh alam pembelajaran yang akan bermula sejurus selepas minggu orientasi berakhir. Pada hari pertama, para pelajar telah diberi peluang untuk mengenali satu sama lain dan ini dapat dijalankan melalui slot LDK 1 iaitu sesi taaruf. Bagi pengisian pengetahuan dan akademik pula, pada hari kedua, para pelajar telah diberi taklimat berkaitan pembelajaran secara semester, tatacara pemindahan kredit dan tatacara pinjaman tabung Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK).

Di samping itu, beberapa pendedahkan turut diberi mengenai perjalanan unit-unit pengurusan di MKM iaitu Unit Perkhidmatan Domestik, Unit Perkhidmatan Perpustakaan, Unit Kewangan dan Akaun dan Unit Tadbiran Am bagi memudahkan mereka berurusan kelak. Selain itu, slot pengisian rohani tidak dilupakan dimana pelajar perlu mengikuti program Qiamullail, kuliah Subuh dan kuliah Maghrib.

Menginjak ke hari ketiga orientasi, para pelajar bersedia untuk bertolak ke Kem Kuala Kubu Bharu, di daerah Rawang, Selangor. Sepanjang dua hari berada di kem ini, pelbagai aktiviti telah dilalui pelajar seperti 'jungle trekking', rempuhan berhalangan dan LDK. Bagi aktiviti 'jungle trekking', keberanian pelajar diuji apabila mereka terpaksa melalui sungai yang terdapat di belakang kem. Slot-slot LDK pula diselitkan dengan pelbagai tugas yang memerlukan kreativiti serta sumbang saran idea daripada setiap ahli kumpulan. Setelah melalui pelbagai aktiviti, para pelajar dibawa pulang ke MKM pada hari keempat minggu orientasi dan seterusnya membuat persiapan untuk majlis penutup minggu orientasi.

Majlis Penutup Minggu Orientasi DPK Sesi Jun 2010 telah diadakan pada 2 Julai 2010 dan dirasmikan oleh YM Pn. Hj. Raja Maimon binti Raja Yusuf. Di samping persembahan pelajar, majlis ini diserikan lagi dengan tayangan multimedia yang disediakan oleh barisan fasilitator dimana ia merangkumi rakaman video ketika hari pendaftaran dan aktiviti sepanjang minggu orientasi. Dengan berakhirnya minggu orientasi ini, para pelajar diyakini telah bersedia untuk melangkah ke sesi pembelajaran bagi semester pertama DPK.



*Semangat kerjasama ditunjukkan para pelajar semasa aktiviti dijalankan.*



*Pelajar di Auditorium Dato' A. Majid.*



*Senaman pagi di Kem Kuala Kubu Bharu, Selangor.*



*Suasana ceria sepanjang pertandingan lakonan.*



# Program BAKTI SISWA BERSAMA MASYARAKAT RPS AIR BANUN

Pada 23 hingga 26 Julai 2010, pelajar-pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan melalui Ko-Khidmat Masyarakat: Pembangunan Masyarakat 4 mengadakan Program Bakti Siswa bersama masyarakat Orang Asli di Rancangan Penyusunan Semula (RPS) Air Banun, Gerik, Perak.

Program Bakti Siswa ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB Dato' Tan Lian Hoe. Beliau yang juga Ahli Parlimen Gerik sering melawat kawasan tersebut serta mengambil berat kebajikan penduduk sekitar Gerik terutamanya penduduk Orang Asli di RPS Air Banun.

Antara program yang telah dilaksanakan termasuk program motivasi kepada murid-murid Sekolah Kebangsaan RPS Air Banun (SKRPSAB). Program motivasi itu dikendalikan beberapa fasilitator terdiri daripada para pelajar yang mengambil subjek Ko-Khidmat Masyarakat. Murid-murid turut didedahkan dengan teknik pembelajaran terkini, penetapan matlamat, kaedah belajar serta semangat bekerjasama dalam satu kumpulan. Seramai 80 murid SKRPSAB terlibat dalam program motivasi tersebut.

Selain itu, penduduk RPS Air Banun juga didedahkan dengan program "Jom Majukan Ekonomi Kita". Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya iaitu sesi ceramah dan pameran yang disampaikan beberapa agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), MARA, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Cawangan Perak dan Agrobank. Program tersebut memberi pendedahan yang berguna kepada penduduk RPS Air Banun itu sendiri dalam

meningkatkan pendapatan melalui kegiatan ekonomi dibantu agensi kerajaan yang dijemput memberi penerangan dengan lebih terperinci.

Dalam program Charity Collection pula berjaya mengumpul sebanyak 18 kotak pakaian, 50 beg beras, 50 kg tepung, 50 kg minyak masak, 60 tin susu pekat manis dan barang keperluan lain. Semua barangan diperoleh melalui sumbangan daripada kakitangan serta pelajar-pelajar MKM dan sumbangan ikhlas daripada beberapa buah koperasi sekitar negeri Selangor. Majlis penyampaian Charity Collection tersebut disempurnakan oleh YB Dato' Tan Lian Hoe.

Program selama tiga hari dua malam ini diakhiri dengan sukaneka bersama penduduk RPS Air Banun. Pelbagai acara sukan dipertandingkan dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan terutamanya golongan belia dan kanak-kanak RPS Air Banun. Semoga Program Bakti Siswa ini diteruskan oleh pelajar-pelajar MKM pada masa akan datang.



*YBhg. Pn. Norwatiim Abdul Latiff (dua dari kiri) meluangkan masa beramah mesra bersama penduduk RPS Air Banun.*



*YB Dato' Tan Lian Hoe (empat dari kiri) sedang menyampaikan bantuan makanan kepada kanak-kanak RPS Air Banun.*



*Persembahan kebudayaan oleh Kumpulan Seni Budaya Pelajar MKM.*



*Para pempamer yang turut menyertai pameran dan jualan.*

*Penyerahan kutipan dana kepada wakil MERCY Malaysia (kanan) oleh En. Shamsul Khairi Abu Hassan (kiri).*

# PROGRAM HARI INTEGRASI KO-K

Sebuah program berbentuk pameran dan jualan diadakan bersempena dengan Hari Integrasi Ko-Kurikulum Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Bidang Tumpuan Pengurusan Koperasi MKM-UUM pada 14 Oktober 2010 bermula pada 8.30 pagi sehingga 4 petang. Seramai 132 pelajar terdiri daripada pelajar semester 2 dan 4 terlibat yang turut disertai pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) cawangan IPD Petaling Jaya, Jabatan Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Bahagian Pengembangan Perniagaan Francais Negeri Selangor, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), Celcom dan MERCY Malaysia. Pelbagai maklumat disampaikan peserta pameran kepada pengunjung yang hadir.

Selain itu, kutipan dana bagi mengisi tabung MERCY Malaysia turut diadakan bermula pada 1 hingga 14 Oktober 2010. Dana yang terkumpul berjumlah RM780 diserahkan kepada wakil MERCY Malaysia oleh En. Shamsul Khairi Bin Abu Hassan selaku Penyelaras Program BBA MKM-UUM.



# Maylis SAMBUTAN

HARI RAYA AIDILFITRI 1431H

5 OKTOBER 2010 >> DEWAN ROCHDALE, MKM







# FIESTA BERA 2010

6-8 OGOS 2010

PADANG MAJLIS DAERAH BERA,  
PAHANG







# *Sambutan* **Hari Koperasi Negara 2010**



**KALENDAR KURSUS  
IBU PEJABAT MKM PETALING JAYA, SELANGOR  
JANUARI – JULAI 2011**

BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TARIKH / TEMPOH KURSUS
		<b>JANUARI</b>	
		TIADA	
		<b>FEBRUARI</b>	
1	ML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	07-08/02/2011 (2 hari)
2	IDB 201	Pengurusan Rekod Dan Fail	07-10/02/2011 (4 hari)
3	IDC 302	Memahami Undang-undang Kecil Koperasi	16-17/02/2011 (2 hari)
4	IDB 602	Protokol Dan Etiket Sosial	16-18/02/2011 (3 hari)
5	IDT 402	Asas Penggunaan Internet	16-18/02/2011 (3 hari)
6	IDC 802	Bengkel Kepimpinan Pasukan Cemerlang	21-23/02/2011 (3 hari)
7	IDT 401	Asas Komputer Dan Aplikasi	21-25/02/2011 (5 hari)
8	IDA 101K	Perakaunan Asas (Kakitangan)	21-25/02/2011 (5 hari)
9	MA 200	Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi	28/02-01/03/2011 (2 hari)
10	IDB 202	Aplikasi 5'S Dalam Persekitaran Berkualiti	28/02-02/03/2011 (3 hari)
		<b>MAC</b>	
11	ML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	07-08/03/2011 (2 hari)
12	IDA 126	Pengurusan Hutang	07-09/03/2011 (3 hari)
13	IDC 301	Kemahiran Kepimpinan Koperasi	14-16/03/2011 (3 hari)
14	IDB 221	Strategi Memenangi Pelanggan	14-16/03/2011 (3 hari)
15	IDB 242	Pengurusan Strategik	14-17/03/2011 (4 hari)
16	IDC 805	Pengucapan Awam Berkesan	21-23/03/2011 (3 hari)
17	IDT 414	Penerbitan Elektronik-Ms Publisher	21-23/03/2011 (3 hari)
18	IDA 145	Penyediaan Manual Prosedur Kerja Koperasi	21-23/03/2011 (3 hari)
19	IDT 413	Lembaran Elektronik-Ms Excel	28-31/03/2011 (4 hari)
20	IDB 222	Strategi Dalam Pemasaran (Konsep 7P)	28-31/03/2011 (4 hari)
21	IDA 101A	Perakaunan Asas (ALK dan JAD)	28/03-01/04/2011 (5 hari)
		<b>APRIL</b>	
22	ML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	04-05/04/2011 (2 hari)
23	IDA 131	Kemahiran Asas Pengauditan Dalaman	04-06/04/2011 (3 hari)
24	IDB 241	Padanan Pengalaman Perniagaan (Lawatan Sambil Belajar)	04-08/04/2011 (5 hari)
25	IDC 314	Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi	11-13/04/2011 (3 hari)
26	IDB 244	Menguasai Teknik Pembuatan Keputusan	11-13/04/2011 (3 hari)
27	IDT 419	Asas Membangunkan Blog	11-13/04/2011 (3 hari)
28	IDT 415	Persembahan Berkesan Dengan Ms Powerpoint	18-20/04/2011 (3 hari)
29	IDC 318	Penyediaan Laporan Tahunan Koperasi	18-20/04/2011 (3 hari)
30	IDB 702	Keusahawanan Dalam Sektor Perkhidmatan-Restoran Dan Katering	18-21/04/2011 (4 hari)
31	IDA 102	Perakaunan Untuk Penternakan	18-22/04/2011 (5 hari)
32	IDA 125	Menganalisis Prestasi Koperasi	25-26/04/2011 (2 hari)
33	IDB 601	Penyeliaan Dalam Koperasi (Konsep 5P)	25-27/04/2011 (3 hari)
34	IDC 326	Bengkel Penyediaan Aturan Koperasi	25-27/04/2011 (3 hari)
35	IDT 411	Pengurusan Pangkalan Data Koperasi-Ms Access	25-28/04/2011 (4 hari)



BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TARIKH / TEMPOH KURSUS
		<b>MEI</b>	
36	ML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	03-04/05/2011 (2 hari)
37	MA 200	Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi	04-05/05/2011 (2 hari)
38	IDB 201	Pengurusan Rekod Dan Fail	09-12/05/2011 (4 hari)
39	IDT 417	Asas Membangunkan Laman Web	09-12/05/2011 (4 hari)
40	IDA 141	Perakaunan Berkomputer (UBS)	09-13/05/2011 (5 hari)
41	IDT 412	Pengeditan Imej Kreatif I-Adobe Photoshop	18-20/05/2011 (3 hari)
42	IDB 623	Menguasai Komunikasi Dalam Perniagaan (Kakitangan Koperasi)	18-20/05/2011 (3 hari)
43	IDB 703	Keusahawanan Perniagaan Francais	18-20/05/2011 (3 hari)
44	IDC 319	Peningkatan Diri Kakitangan Koperasi	23-24/05/2011 (2 hari)
45	IDB 224	Strategi Penjenamaan Dan Pembungkusan	23-26/05/2011 (4 hari)
46	IDB 245	Teknik Penilaian Projek	23-27/05/2011 (5 hari)
47	IDA 121	Penyediaan Penyata Kewangan Koperasi	23/05-01/06/2011 (10 hari)
48	IDC 327	Pemantapan Tadbir Urus Koperasi	30-31/05/2011 (2 hari)
49	IDB 621	Membina Kreativiti Dan Inovasi Dalam Perniagaan	30/05-01/06/2011 (3 hari)
50	IDT 416	Pengurusan Maklumat Peribadi Berkomputer	30/05-01/06/2011 (3 hari)
		<b>JUN</b>	
51	ML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	06-07/06/2011 (2 hari)
52	IDB 221	Strategi Memenangi Pelanggan	06-08/06/2011 (3 hari)
53	IDA 122	Pengurusan Dan Perakaunan Untuk Aset	06-08/06/2011 (3 hari)
54	IDT 401	Asas Komputer Dan Aplikasi	06-10/06/2011 (5 hari)
55	IDC 316	Kesetiausahaan Koperasi	13-15/06/2011 (3 hari)
56	IDT 432	Penyelenggaraan PC	13-15/06/2011 (3 hari)
57	IDB 701	Keusahawanan Dalam Sektor Perkhidmatan-Perniagaan Kek & Bakeri	13-17/06/2011 (5 hari)
58	IDC 328	Perundangan Komersial Dalam Perspektif Koperasi	20-22/06/2011 (3 hari)
59	IDA 127	Pengurusan Modal Kerja	20-22/06/2011 (3 hari)
60	IDB 622	Pengurusan Masa dan Stres	20-23/06/2011 (4 hari)
61	IDB 202	Aplikasi 5'S Dalam Persekitaran Berkualiti	27-29/06/2011 (3 hari)
62	IDT 434	Animasi Multimedia	27-30/06/2011 (4 hari)
		<b>JULAI</b>	
63	IDT 435	Ms Word Lanjutan	04-06/07/2011 (3 hari)
64	IDA 142	Perakaunan Berkomputer Untuk Aset	04-07/07/2011 (4 hari)
65	IDT 418	Asas Pengurusan ICT	11-13/07/2011 (3 hari)
66	IDC 802	Bengkel Kepimpinan Pasukan Cemerlang	11-13/07/2011 (3 hari)
67	IDB 242	Pengurusan Strategik	11-14/07/2011 (4 hari)
68	IDC 301	Kemahiran Kepimpinan Koperasi	18-19/07/2011 (2 hari)
69	IDB 602	Protokol Dan Etiket Sosial	18-20/07/2011 (3 hari)
70	IDA 103	Perakaunan Untuk Pengeluaran	18-22/07/2011 (5 hari)
71	IDT 421	Perniagaan Melalui Internet	25-27/07/2011 (3 hari)
72	IDC 321	Perundangan Koperasi Dan Aplikasi	25-27/07/2011 (3 hari)
73	IDB 246	Pengurusan Projek	25-27/07/2011 (3 hari)
74	IDB 705	Keusahawanan Dalam Sektor Perkhidmatan-Pelancongan	25-28/07/2011 (4 hari)
75	ML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	27-28/07/2011 (2 hari)

## KALENDAR KURSUS MKM CAWANGAN SABAH JANUARI - JULAI 2011

KOD	KOD DAN NAMA KURSUS	TARIKH / TEMPOH KURSUS
1	<b>SDC 314</b> BAGAIMANA MENGRUS MESYUARAT AGUNG SECARA BERKESAN	21-23/02/2011 (3 HARI)
2	<b>SDT 460</b> KEMAHIRAN PERSEMBAHAN BERKESAN DENGAN MICROSOFT POWER POINT	21-24/02/2011 (4 HARI)
3	<b>SDB 210</b> PENGURUSAN MASA DAN STRESS BERKESAN	07-09/03/2011 (3 HARI)
4	<b>SDA 101</b> ASAS PERAKAUNAN KOPERASI	07-11/03/2011 (5 HARI) 26-30/09/2011 (5 HARI)
5	<b>SDC 327</b> PEMANTAPAN TADBIR URUS KOPERASI	21-23/03/2011 (3 HARI)
6	<b>SDMA 200</b> TATACARA PENGAUDITAN DAN PERAKAUNAN KOPERASI	28-29/03/2011 (2 HARI)
7	<b>SDT 468</b> PERNIAGAAN MELALUI INTERNET	11-12/07/2011 (2 HARI)
8	<b>SDML 100</b> PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KOPERASI	28-30/03/2011 (3 HARI)
9	<b>SDB 211</b> KEMAHIRAN PENYELIAAN	04-05/04/2011 (2 HARI) 04-05/07/2011 (2 HARI)
10	<b>SDTET 900</b> BICARA EKSEKUTIF	04-06/04/2011 (3 HARI)
11	<b>SDA 109</b> E-BENDAHARI KOPERASI	16/04/2011 (1/2 HARI)
12	<b>SDB 317</b> PENGURUSAN STOK	25-27/04/2011 (3 HARI)
13	<b>SDT 452</b> LEMBARAN ELEKTRONIK MICROSOFT EXCEL	03-05/05/2011 (3 HARI)
14	<b>SDB 252</b> PENYEDIAAN PELAN PERNIAGAAN	03-05/05/2011 (3 HARI)
15	<b>SDC 803</b> BENGKEL PEMIKIRAN KREATIF	09-13/05/2011 (5 HARI)
16	<b>SDT 412</b> MEMBINA PANGKALAN DATA KOPERASI MENGGUNAKAN MICROSOFT ACCESS	23-25/05/2011 (3 HARI) 06-09/06/2011 (4 HARI)
17	<b>SDB 717</b> BENGKEL USAHAWAN PEMROSESAN MAKANAN	13-16/06/2011 (4 hari)
18	<b>SDA 131</b> PENGURUSAN KEWANGAN DALAM RANCANGAN PERNIAGAAN	20-23/06/2011 (4 hari)
19	<b>SDB 727</b> BENGKEL INDUSTRI BERASASKAN PERKHIDMATAN (PERNIAGAAN RESTORAN DAN KATERING)	04-07/07/2011 (4 hari)
20	<b>SDT 458</b> PENERBITAN ATAS MEJA DENGAN MIRCOSOFT PUBLISHER	11-13/07/2011 (3 hari)
21	<b>SDSEM 900</b> SEMINAR	27-28/07/2011 (2 hari)
22	<b>SDB 718</b> BENGKEL USAHAWAN INDUSTRI PELANCONGAN	05-08/09/2011 (4 hari)
23	<b>SDC 316</b> KESETIAUSAHAAN KOPERASI	12-15/09/2011 (4 hari)
24	<b>SDC 901</b> KEM KEPIMPINAN KOPERASI	19-22/09/2011 (4 hari)
25	<b>SDB 729</b> BENGKEL USAHAWAN PERKHIDMATAN-SALON KECANTIKAN	26-29/09/2011 (4 hari)
26	<b>SDA 102</b> PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI	26-30/09/2011 (5 hari) 14-18/11/2011 (5 hari)
27	<b>SDT 457</b> BENGKEL MEMBANGUNKAN LAMAN WEB KOPERASI	03-05/10/2011 (3 hari)
28	<b>SDB 241</b> BENGKEL PENYEDIAAN DAN PENILAIAN PROJEK	03-07/10/2011 (5 hari)
29	<b>SDA 140</b> PERAKAUNAN BERKOMPUTER - UBS	10-14/10/2011 (5 hari)
30	<b>SDTET 900</b> LUNCHEON TALK	22/10/2011 (1/2 hari)
31	<b>SDT 470</b> APLIKASI MS EXCEL DALAM PENGURUSAN DATA KOPERASI	14-16/11/2011 (3 hari)



## KALENDAR KURSUS MKM CAWANGAN SARAWAK JANUARI- JULAI 2011

KOD	KOD DAN NAMA KURSUS	TARIKH / TEMPOH KURSUS
1	KDC 823 BENGKEL PEMIKIRAN KREATIF	17-19/01/2011 (3 HARI)
2	KDB 250 MEMBINA KEUSAHAWANAN KOPERASI	24-27/01/2011 (4 HARI)
3	KDT 430 ASAS KOMPUTER DAN APLIKASI	24-27/01/2011 (4 HARI)
4	KDT 425 ANALISA DATA DENGAN MICROSOFT EXCEL	21-23/02/2011 (3 HARI)
5	KDB 741 PENGURUSAN PASAR MINI	28/02-02/03/2011 (3 HARI)
6	KDA 114 PENGURUSAN BAJET BERKESAN	07-09/03/2011 (3 HARI)
7	KDT 317 PENGURUSAN KOPERASI	14-16/03/2011 (4 HARI)
8	KDTET 900 TEA TALK	19/03/2011 (1/2 HARI)
9	KDT 412 MEMBINA PANGKALAN DATA DENGAN MICROSOFT ACCESS	21-24/03/2011 (4 HARI)
10	KDB 215 BENGKEL PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN PERNIAGAAN KOPERASI	28-30/03/2011 (3 HARI)
11	KDC 314 BAGAIMANA MENGURUS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI YANG BERKESAN	04-06/04/2011 (3 HARI)
12	KDT 457 MEMBINA LAMAN WEB BERANIMASI	04-07/04/2011 (4 HARI)
13	KDB 723 PENYEDIAAN PERANCANGAN PERNIAGAAN KOPERASI: SOYA	18-20/04/2011 (3 HARI)
14	KDA 142 PERAKAUNAN BERKOMPUTER DENGAN UBS (USER BUSINESS SYSTEM)	25-28/04/2011 (4 HARI)
15	KDMA 200 TATACARA PENGAUDITAN DAN PERAKAUNAN KOPERASI	03-04/05/2011 (2 HARI)
16	KDC 803 BENGKEL PENAMPILAN DIRI: PROTOKOL DAN ETIKET SOSIAL	18-20/05/2011 (3 HARI)
17	KDT 460 PERSEMBAHAN BERKESAN DENGAN MICROSOFT POWERPOINT	23-25/05/2011 (3 HARI)
18	KDA 101 ASAS PERAKAUNAN KOPERASI	23-27/05/2011 (5 HARI)
19	KDBT 900 BICARA TOKOH	28/05/2011 (1/2 HARI)
20	KDML 100 PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KOPERASI	06-07/06/2011 (3 HARI)
21	KDC 318 PENYEDIAAN LAPORAN TAHUNAN KOPERASI	13-15/06/2011 (3 HARI)
22	KDT 414 ADOBE PHOTOSHOP	27-29/06/2011 (3 HARI)
23	KDA 122 KEMAHIRAN ASAS PENGAUDITAN DALAM KOPERASI	20-22/06/2011 (3 HARI)
24	KDB 724 PENYEDIAAN PERANCANGAN PERNIAGAAN KOPERASI: ROTI DAN BAN	27-30/06/2011 (4 HARI)
25	KDA 150 BENGKEL PENYEDIAAN MANUAL PROSEDUR KERJA KOPERASI	04-06/07/2011 (3 HARI)
26	KDT 462 E-SETIAUSAHA	04-06/07/2011 (3 HARI)
27	KDB 729 PENYEDIAAN PERANCANGAN PERNIAGAAN KOPERASI: PENTERNAKAN IKAN	25-27/07/2011 (3 HARI)
28	KDTET 900 BICARA EKSEKUTIF	30/07/2011 (1/2 HARI)
29	KDB 297 BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK KOPERASI	12-14/09/2011 (3 HARI)
30	KDT 461 ANIMASI MULTIMEDIA	26-28/09/2011 (3 HARI)
31	KDC 316 PENTINGNYA PERANAN SETIAUSAHA DALAM PENTADBIRAN KOPERASI	03-05/10/2011 (3 HARI)
32	KDC 804 BENGKEL MEMBINA PEMIMPIN KOPERASI CEMERLANG	17-19/10/2011 (3 HARI)
33	KDC 802 BENGKEL ASAS KEPIMPINAN	31/10-02/11/2011 (3 HARI)
34	KDB 728 PENYEDIAAN PERANCANGAN PERNIAGAAN KOPERASI: REFLEKSOLOGI DAN SPA	14-16/11/2011 (3 HARI)
35	KDSEM 900 SEMINAR	22-23/11/2011 (2 HARI)
36	KDA 102 PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI	05-09/12/2011 (5 HARI)
37	KDTET 900 BICARA EKSEKUTIF	10/12/2011 (1/2 HARI)
38	KDB 271 BENGKEL KREATIVITI DAN INOVASI DALAM PERNIAGAAN KOPERASI	12-15/12/2011 (4 HARI)

## KALENDAR KURSUS MKM WILAYAH TIMUR JANUARI – JULAI 2011

BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TARIKH / TEMPOH KURSUS
		<b>JANUARI</b>	
		TIADA	
		<b>FEBRUARI</b>	
1	WTML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Kursus Wajib)	08-09/02/2011 (2 hari)
2	WTMA 200	Lembaran Elektronik Ms Excel	22-24/02/2011 (3 hari)
3	WTA 101	Asas Perakaunan	28/02-04/03/2011 (5 hari)
4	WTT 430	Asas Komputer Dan Aplikasi	28/02-03/03/2011 (4 hari)
		<b>MAC</b>	
5	WTK 600	Pengenalan Pentadbiran Koperasi (Khas Koperasi Baru)	08-09/03/2011 (2 hari)
6	WTT 465	MS Word Lanjutan	15-17/03/2011 (3 hari)
7	WTB 292	Bengkel Rancangan Perniagaan	22-24/03/2011 (3 hari)
		<b>APRIL</b>	
8	WTT 452	Lembaran Elektronik Ms Excel	12-14/04/2011 (3 hari)
9	WTB 630	Bengkel Pembuatan Keputusan	19-20/04/2011 (2 hari)
10	WTC 314	Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi	26-28/04/2011 (2 hari)
		<b>MEI</b>	
11	WTTET 900	Bicara Eksekutif	04/05/2011 (1/2 hari)
12	WTT 460	Persembahan Elektronik Ms Powerpoint	10-12/05/2011 (3 hari)
13	WTA 119	Asas Pengurusan Tunai	24-26/05/2011 (3 hari)
		<b>JUN</b>	
14	WTB 300	Pengurusan Pemasaran	06-09/06/2011 (4 hari)
15	WTT 430	Asas Komputer Dan Aplikasi	13-16/06/2011 (4 hari)
		<b>JULAI</b>	
16	WTT 458	Penerbitan Elektronik Ms Publisher	12-14/07/2011 (3 hari)



**KALENDAR KURSUS MKM WILAYAH SELATAN JANUARI – JULAI 2011**

BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TARIKH / TEMPOH KURSUS
		<b>JANUARI</b>	
		TIADA	
		<b>FEBRUARI</b>	
1	WSML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Kursus Wajib)	08-09/02/2011 (2 hari)
2	WST 452	Lembaran Elektronik Ms Excel	22-24/02/2011 (3 hari)
		<b>MAC</b>	
3	WST 430	Asas Komputer Dan Aplikasi	01-03/03/2011 (3 hari)
4	WSML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Kursus Wajib)	09-10/03/2011 (2 hari)
5	WSA 112	Memahami Dan Menganalisis Penyata Kewangan	21-23/03/2011 (3 hari) 29-31/03/2011 (3 hari)
		<b>APRIL</b>	
6	WSK 600	Kursus Khas Koperasi Baru (Kursus Wajib)	04-05/04/2011 (2 hari) 06-07/04/2011 (2 hari)
7	WSA 101	Asas Perakaunan Koperasi	18-22/04/2011 (5 hari)
8	WSC 413	Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi	26-28/04/2011 (3 hari)
		<b>MEI</b>	
9	WSC 314	Kursus Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi	03-05/05/2011 (3 hari)
10	WSK 326	Bengkel Penyediaan Aturan Koperasi	10-12/05/2011 (3 hari)
11	WSC 318	Penyediaan Laporan Tahunan Koperasi (Kursus Bersama Agensi)	24-26/05/2011 (3 hari)
		<b>JUN</b>	
12	WST 460	Persembahan Elektronik Ms Powerpoint	07-09/06/2011 (3 hari)
13	WSB 292	Bengkel Rancangan Perniagaan	21-23/06/2011 (3 hari)
		<b>JULAI</b>	
14	WSMA 200	Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi (Kursus Wajib)	05-06/07/2011 (2 hari)
15	WSML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Kursus Wajib)	13-14/07/2011 (2 hari)
16	WST 456	Asas Penggunaan Internet	19-21/07/2011 (3 hari)
17	WSA 101	Asas Perakaunan Koperasi	25-29/07/2011 (5 hari)

**KALENDAR KURSUS MKM WILAYAH UTARA JANUARI – JULAI 2011**

BIL	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	TARIKH / TEMPOH KURSUS
		<b>JANUARI</b>	
		TIADA	
		<b>FEBRUARI</b>	
1	WUTET 900	Bicara Eksekutif	22/02/2011 (1/2 hari)
		<b>MAC</b>	
2	WUML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	01-02/03/2011 (2 hari)
3	WUT 430	Asas Komputer Dan Aplikasi	01-02/03/2011 (3 hari)
4	WUA 101	Asas Perakaunan	21-24/03/2011 (4 hari)
		<b>APRIL</b>	
5	WUT 452	Lembaran Elektronik Ms Excel	05-07/04/2011 (3 hari)
		<b>MEI</b>	
6	WUK 600	Kursus Khas Koperasi Baru	03-04/05/2011 (2 hari)
7	WUMA 200	Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi (Kursus Wajib)	03-04/05/2011 (2 hari)
		<b>JUN</b>	
8	WUT 456	Asas Penggunaan Internet	07-09/06/2011 (3 hari)
		<b>JULAI</b>	
9	WUKEM 901	Kem Pemantapan Kepimpinan Koperasi	12-14/07/2011 (3 hari)
10	WUML 100	Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi	19-20/07/2011 (2 hari)

# CARA MEMOHON KURSUS JANGKA PENDEK

Semua permohonan mestilah dibuat dengan menggunakan borang permohonan yang disediakan oleh pihak MKM atau secara online di <http://www.mkm.edu.my>

Bagi anggota atau kakitangan koperasi dan badan swasta yang berminat, borang-borang permohonan yang telah lengkap diisi bolehlah dihantar terus ke kampus di mana kursus dijalankan.

Untuk kakitangan jabatan dan agensi-agensi kerajaan, setiap permohonan mestilah melalui jabatan atau agensi masing-masing.

## >> UNTUK PERTANYAAN DAN KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI:

**Ibu Pejabat,  
Maktab Kerjasama Malaysia,**  
103, Jalan Templer,  
46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03 – 7964 9000 Faks: 03 – 7954 3957  
E-mel: [mkm@mkm.edu.my](mailto:mkm@mkm.edu.my)

**Maktab Kerjasama Malaysia  
(Cawangan Sarawak),**  
Bangunan Rugayah,  
Lot 97, Jalan Song Thian Cheok,  
Peti Surat 241B,  
93100 Kuching, Sarawak.  
Tel: 082-230409 Faks: 082-230405  
E-mel: [mkmsarawak@mkm.edu.my](mailto:mkmsarawak@mkm.edu.my)

**Maktab Kerjasama Malaysia  
(Cawangan Sabah),**  
Tingkat 5, Menara MAA,  
Lorong 6, Api-Api 1,  
88000 Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel: 088-240812 Faks: 088-241802  
E-mel: [mkmsabah@mkm.edu.my](mailto:mkmsabah@mkm.edu.my)  
Penyelaras Kursus/Setiausaha Kursus,

**Maktab Kerjasama Malaysia  
(Wilayah Timur)**  
No. 13, Jln. Kerayong 4,  
28200 Bera,  
Pahang Darul Makmur.  
Tel: 09-2506528 Faks: 09-2506530  
E-mel: [mkmbera@mkm.edu.my](mailto:mkmbera@mkm.edu.my)

**Maktab Kerjasama Malaysia  
(Wilayah Selatan)**  
Tingkat 1, Bangunan Kerjasama Jalan Dhorby,  
80000 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim.  
Tel: 07-2262119 Faks: 07-2262125  
E-mel: [mkmjb@mkm.edu.my](mailto:mkmjb@mkm.edu.my)

**Maktab Kerjasama Malaysia  
(Wilayah Utara)**  
No. 1515, Wisma KGMKB, Jalan Tunku Ibrahim,  
05000 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman.  
Tel: 04-7337610 Faks: 04-7337532  
E-mel: [mkmwutara@mkm.edu.my](mailto:mkmwutara@mkm.edu.my)

*Pendaftaran secara SMS HANYA dibuka untuk peserta yang pernah menghadiri kursus di MKM sebelum ini sahaja.*

Sertai komuniti kami di   CARI: MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA

**Laman Web : [www.mkm.edu.my](http://www.mkm.edu.my)**



# CARA MEMOHON

## >> PEMBIAYAAN

### Yuran Pendaftaran

Koperasi/Jab./Agensi yang menyelia koperasi	- RM25.00
Jabatan Kerajaan	- RM25.00
Swasta/Individu	- RM50.00

\*Yuran tambahan RM20.00 untuk semua kursus komputer

Bayaran pendaftaran tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon-pemohon yang telah dipilih tidak menghadiri kursus.

### Yuran Pengajian

Koperasi/Jab./Agensi yang menyelia koperasi- Percuma
Jabatan Kerajaan- RM50.00/hari
Swasta/Individu- RM100.00/hari

### Makanan

Koperasi/Jab./Agensi yang menyelia koperasi- Percuma
Jabatan Kerajaan- RM30.00/hari
Swasta/Individu- RM30.00/hari

### Penginapan

Koperasi/Jab./Agensi yang menyelia koperasi- Percuma
Jabatan Kerajaan- RM40.00/malam
Swasta/Individu- RM50.00/malam

*Bagi kursus yang dijalankan di MKM Petaling Jaya, keutamaan bilik adalah kepada peserta dari Luar lembah Klang sahaja.*

## PEMBAYARAN

Bayaran secara pesanan Jabatan/Agensi Kerajaan, kiriman wang, wang pos atau cek hendaklah dibuat atas nama Pengarah Maktab Kerjasama Malaysia.

Bagi kursus yang dipohon di **MKM Petaling Jaya**, sila bayar atas nama **KUMPULAN WANG MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA, No. Akaun: 12480000268059, CIMB Bank, Sek. 52, Petaling Jaya.**

Bagi kursus yang dipohon di **MKM Wilayah Utara, Selatan dan Timur**, sila bayar atas nama **AKAUN PENERIMAAN KECIL MKM, No. Akaun: 124800090300055.**

*Untuk peserta dari koperasi, tuntutan tambang perjalanan boleh dibuat mengikut kadar yang telah ditetapkan sahaja.*